

TINGKATAN 4 BAB 1 : TAMADUN AWAL MANUSIA

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|---|---|
| 1. | Animisme | Sembah unsur alam semula jadi seperti gunung, bukit, sungai |
| 2. | Artisan | Pekerja yang mahir dalam sesuatu lapangan perusahaan atau dikenali sebagai tukang |
| 3. | Astronomi | Ilmu falak, pengetahuan yang melibatkan kajian tentang kedudukan, pergerakan dan perkiraan, serta tafsiran tentang bintang-bintang |
| 4. | Cap mohor | Bukti perdagangan Indus dengan Mesopotamia |
| 5. | Cara pembesar beri taat setia kepada raja pada Dinasti Chou | Ikrar taat setia, / melindungi raja / bantuan tentera |
| 6. | Epik Gilgamesh | Sastera tertua / falsafah cara hidup orang Mesopotamia |
| 7. | Feng Hsui | Hubungan manusia dengan alam |
| 8. | Hidup nomad | Hidup berpindah randah |
| 9. | Imhotep | Teknik pembinaan bangunan guna batu bata |
| 10. | Kod undang -undang Hammurabi | 282 kod / dipahat pada tembok batu agar rakyat mudah baca / wujudkan perpaduan / kukuhkan organisasi |
| 11. | Konsep tamadun dalam islam | Lahiriah dan rohaniah / tatasusila yang tinggi / moral |
| 12. | Mandat dari tuhan | Jika raja memerintah dengan adil rakyat akan makmur, hilang mandat jika zalim, bencana alam, wabak penyakit |
| 13. | Mohenjo Daro dan Harappa | Bandar terancang / geometri / matematik / bersifat terbuka / pertukaran teknologi / bertembung dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba |
| 14. | Monarki | Negeri atau kerajaan yang diperintah oleh raja |
| 15. | Muqaddimah (Ibn Khaldun) | Tekankan ketinggian moral |
| 16. | Negara kota | Sebuah negara yang berbentuk kota atau bandar yang ada wilayah, rakyat dan pemerintah yang berdaulat |
| 17. | Nome | Daerah |
| 18. | Pemerintahan Mesopotamia | Teokrasi - raja dianggap tuhan atau wakil tuhan |
| 19. | Pendeta | Orang yang banyak ilmu, biasanya, ulama agama |
| 20. | Pintu Gerbang | Lambang kekayaan |
| 21. | Politeisme | Sembah banyak tuhan |
| 22. | Sistem Barter | Sistem pertukaran barang |
| 23. | The Art of War | Selok belok perang / perniagaan |
| 24. | Tulang Oracle | Sistem tulisan ideogram |
| 25. | Tulisan Cuneiform (Mesopotamia) | Bentuk pepaku |
| 26. | Tulisan Hieroglif (Mesir Purba) | Kombinasi gambar dan simbol berdasarkan bunyi |
| 27. | Tulisan Ideogram (Hwang Ho) | Berbentuk simbol / gambar seperti kanak-kanak, bulan, matahari |
| 28. | Tulisan Piktograf | Tulisan tamadun Indus |
| 29. | Yin Yang | Unsur alam yang saling melengkapi |
| 30. | Zigurat | Rumah ibadat / tempat upacara keagamaan / pusat perdagangan / tempat simpan khazanah negara |

SPM 2018

- 1 Buku berikut ditulis oleh Sun Tzu.

The Art of War

Apakah perkara yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat hari ini dari buku tersebut? **T4 B1 ms 33 [P2 B3]**

- A Sejarah awal manusia
B Rahsia kejayaan perniagaan
C Maklumat sistem pemerintahan
D Penerangan sistem kepercayaan
- 2 Tinggalan bandar Mohenjo - Daro buat pertama kalinya ditemui oleh R.D Banerji pada tahun 1921.

Sumber : http://archeology.about.com/od/mterms/qt/mohenjo_daro.htm

Antara yang berikut, yang manakah tinggalan bandar tersebut?
T4 B1 ms 24 [P2 B6]

- A Tempat mandi awam
B Pusat latihan tentera
C Taman tergantung
D Aqueduct

SPMU 2018

- 1 Konsep tamadun dari sudut pandangan islam menekankan pembangunan rohaniah.

Apakah yang berkaitan dengan pembangunan rohaniah ? **T4 B1 ms 5 [P3 B6]**

- A Kepelbagaian kepercayaan
B Kepelbagaian kemahiran
C Ketinggian pemikiran
D Ketinggian tatasusila

- 2 Gambar 1 adalah tulisan hieroglif.



Gambar 1

Tulisan tersebut dicipta oleh masyarakat dalam tamadun
T4 B1 ms 20 [P4 B1-B3]

- A Mesopotamia
- B Mesir Purba
- C China
- D Indus

SPM 2017

- 1 Rajah 1 berkaitan dengan ciri - ciri tamadun. **T4 B1 ms 6 [P2 B1]**



Rajah 1

Apakah X ?

- A Kemajuan sistem perhubungan
- B Hubungan antara kerajaan
- C Kehidupan berorganisasi
- D Perkembangan ekonomi

- 3 Jadual 1 merujuk kepada lokasi tamadun awal dunia.

| Tamadun | Lokasi |
|-------------|---|
| Mesopotamia | Lembah Sungai Tigris dan Sungai Euphrates |
| Mesir Purba | Lembah Sungai Nil |
| Indus | Lembah Sungai Indus |

Mengapakah tamadun tersebut tertumpu di lembah sungai ?
T4 B1 ms 8 [P4 B4 & B6-B7]

- I Mempunyai tanah yang subur
 - II Mengekalkan warisan tradisi
 - III Mendapat mandat tuhan
 - IV Memudahkan perhubungan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Mengapakah masyarakat lembah Indus membina bandar terancang seperti berikut ? **T4 B1 ms 27 [P2 B5]**

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Mohenjo-Daro• Harappa |
|--|

- A Lokasi strategik
B Penduduk ramai
C Bidang geometri yang maju
D Sumber alam yang banyak

SPMU 2017

- 1 Menurut pandangan Islam, konsep tamadun memberi penekanan kepada pembangunan unsur-unsur tertentu. **T4 B1 ms 5 [P3 B2]**

Apakah unsur-unsur tersebut?

- A Bandar dan seni
B Lahiriah dan falsafah
C Lahiriah dan rohaniah
D Bandar dan budaya

- 2 Setiap negara kota dalam tamadun Mesopotamia mempunyai pelbagai bentuk pintu gerbang. **T4 B1 ms 11 [P5 B5]**
Hal ini melambangkan

- A kekayaan
B kepatuhan agama
C kekuasaan pemerintah
D kemahiran pengukir

SPM 2016

- 1 Soalan 1 dan soalan 2 berdasarkan Peta 1.




Peta 1 : Lokasi Tamadun Awal Dunia

Apakah **Tamadun X** dan **Tamadun Y**? **T4 B1 ms 9 [PETA]**

- A Hwang Ho dan Indus
 - B Mesir dan Hwang Ho
 - C Indus dan Mesopotamia
 - D Mesopotamia dan Mesir
- 2 Apakah nama sungai di **Tamadun X** dan sungai di **Tamadun Y**?
T4 B1 ms 9 [PETA]
- A Sungai Kuning dan Sungai Tigris
 - B Sungai Tigris dan Sungai Indus
 - C Sungai Nil dan Sungai Kuning
 - D Sungai Indus dan Sungai Nil

SPMU 2016

- 1 Gambar 1 adalah bangunan zigurat. **T4 B1 ms 13 [P2 B3]**



Gambar 1

Mengapakah masyarakat Mesopotamia membina bangunan tersebut?

- A Penjara bagi rakyat yang melakukan kesalahan
- B Tempat menyimpan abu mayat bangsawan
- C Kubu pertahanan dari serangan musuh
- D Menjalankan upacara keagamaan

2 Kedua-dua bandar berikut terdapat dalam tamadun Indus.

- Mohenjo-Daro
- Harappa

Apakah faktor kemajuan bandar tersebut? **T4 B1 ms 27 [P2 B5]**

- A Penambahan penduduk
- B Penguasaan ilmu geometri
- C Perubahan struktur organisasi
- D Perkembangan sistem pengangkutan

SPM 2015

1 Bagaimanakah ciri kehidupan bandar yang bertamadun menurut pandangan cendekiawan Islam? **T4 B1 ms 5 [P3 B6]**

- A Kebebasan mengamalkan sebarang agama
- B Kemajuan pesat dalam bidang ekonomi
- C Kesejahteraan semua lapisan rakyat
- D Ketinggian tatasusila masyarakat

2 Masyarakat dalam Tamadun Indus (2000 sebelum Masihi) berjaya membina bandar terancang tertua di dunia.


Kemampuan masyarakat dalam tamadun tersebut membina bandar terancang adalah disebabkan oleh **T4 B1 ms 27 [P2 B8 & P3 B1]**

- I Amalan sikap terbuka
- II Pertembungan dengan budaya lain
- III Peluasan wilayah pemerintahan
- IV Kejayaan kegiatan penjelajahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPMU 2015

- 1 Rajah 1 menerangkan pertembungan Tamadun Indus dengan tamadun awal yang lain. **T4 B1 ms 27 [P2 B8-B10]**

**Rajah 1**

Apakah kesan pertembungan tersebut?

- A Kawasan pemerintahan meluas
 B Bidang sastera berkembang
 C Teknologi pertanian maju
 D Bandar terancang dibina
- 4 Pada Zaman Dinasti Chou di China, pembesar mesti taat setia kepada raja. Bagaimanakah pembesar membuktikan kesetiaan mereka?
T4 B1 ms 31 [P2 B7]

- A Mengawal kawasan istana
 B Menyerahkan hasil pertanian
 C Menggubal undang-undang wilayah
 D Memberikan bantuan ketenteraan


SPM 2014

- 2 Mohenjo-Daro dan Harappa adalah bandar terancang terawal di dunia. Mengapakah masyarakat Tamadun Indus berjaya membina bandar terancang tersebut?
T4 B1 ms 27 [P2 B8]

- A Peluasan ajaran agama
 B Sistem pemerintahan teokrasi
 C Sumbangan golongan bangsawan
 D Pertembungan dengan tamadun luar

SPMU 2014


- 1 Rajah 1 menunjukkan bandar dalam Tamadun Indus. **T4 B1 ms 27 [P2 B2]**

**Rajah 1**

Apakah keistimewaan kedua-dua bandar tersebut?

- A Mempunyai pelbagai agama
 B Pembinaan secara terancang
 C Berfungsi sebagai pelabuhan
 D Pentadbiran diketuai pendeta

- 2 Gambar 1 berkaitan dengan tamadun awal di China. **T4 B1 ms 31 [P4 B2]**




Apakah yang berkaitan dengan tulang tersebut?

- A Pengenalan sistem tulisan
- B Peningkatan status masyarakat
- C Pengenalan sistem perundangan
- D Peralatan untuk berperang

SPM 2013

- 1 Gambar 1 berkaitan dengan simbol Yin dan Yang.




Apakah maksud simbol tersebut? **T4 B1 ms 33 [SUDUT MAKLUMAT]**

- A Mandat dari syurga
 - B Pemujaan roh nenek moyang
 - C Unsur alam yang saling melengkapi
 - D Ramalan peristiwa yang akan berlaku
- 2 Sistem pemerintahan di Mesopotamia berasaskan sistem beraja.
Apakah bentuk sistem beraja tersebut? **T4 B1 ms 12 [P3 B4]**
- A Oligarki
 - B Demokrasi
 - C Aristokrasi
 - D Teokrasi

SPM 2012

- 1 Gambar 1 berkaitan dengan Kod Undang-Undang Hammurabi.



Gambar 1

Apakah prinsip undang-undang tersebut? **T4 B1 ms 14 [P3 B8-B9]**

- A Mengutamakan konsep permuafakatan
- B Berasaskan sistem kepercayaan tempatan
- C Berteraskan hak rakyat terhadap keadilan
- D Hukuman yang sama untuk semua golongan

SPM 2011

- 1 Setiap negara kota dalam tamadun Mesopotamia mempunyai pintu gerbang yang pelbagai bentuk. **T4 B1 ms 11 [P5 B5]**

Apakah kepentingan pintu gerbang dalam tamadun tersebut?

- A Lambang kekayaan
- B Panduan laluan kapal
- C Sempadan empayar
- D Simbol keganasan

- 2 Apakah sumbangan Imhotep terhadap Tamadun Mesir Purba?
T4 B1 ms 21 [P2 B5]

- A Memperkenalkan teknik pembinaan bangunan
- B Memajukan teknologi bidang pertanian
- C Menggubal undang-undang
- D Mencipta sistem tulisan

SPM 2010

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem tulisan dalam Tamadun Mesir Purba.

Berasaskan kombinasi gambar dan simbol yang berdasarkan bunyi.

Apakah sistem tulisan tersebut? **T4 B1 ms 20 [P4 B3]**

- A Hieroglif
- B Ideogram
- C Cuneiform
- D Piktograf

- 2 Apakah kesan pengamalan sifat terbuka dalam masyarakat Indus ?
T4 B1 ms 27 [P3 B9]

- A Peluasan pengaruh
- B Pertukaran teknologi
- C Penyebaran agama Hindu
- D Perkembangan bidang penulisan

SPM 2009

- 1 Dalam karyanya *Muqaddimah*, Ibn Khaldun menekankan ciri kehidupan bandar yang bertamadun.

Apakah ciri kehidupan tersebut? **T4 B1 ms 5 [SUDUT MAKLUMAT]**

- A Kebebasan beragama
- B Kesejahteraan hidup
- C Kemajuan ekonomi
- D Ketinggian moral

- 2 Perkembangan yang pesat dalam perancangan bandar berlaku pada sekitar tahun 2000 S.M dalam Tamadun Indus. **T4 B1 ms 27 [P2 B8]**

Apakah faktor yang mendorong perkembangan tersebut ?

- A Kemahiran ilmu geometri
- B Kejayaan kegiatan penerokaan
- C Keluasan kawasan pemerintahan
- D Kegiatan keagamaan

SPM 2008

- 2 Apakah kepentingan kandungan karya *The Art Of War* yang ditulis oleh Sun Tzu kepada masyarakat hari ini? **T4 B1 ms 33 [P2 B6]**
- A Menerangkan sistem pemerintahan
 - B Mengatur strategi perniagaan
 - C Menentukan bentuk hubungan luar
 - D Membantu pelaksanaan peperiksaan awam

SPM 2007

- 1 Antara yang berikut, yang manakah sumbangan tamadun Mesir Purba?
T4 B1 ms 21 [P4 B3] ms 22 [P3 B14]
- I Kolar kuda
 - II Pedati beroda
 - III Sistem kalendar
 - IV Tulisan hieroglif
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 2 Andaikan anda seorang pembesar pada zaman Dinasti Chou di China.
T4 B1 ms 31 [P2 B4 & B7]
Apakah yang anda lakukan untuk membuktikan kesetiaan anda kepada raja?
- I Melafazkan taat setia
 - II Menyerahkan ufti
 - III Melindungi rakyat
 - IV Memberi bantuan ketenteraan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

SPM 2006


Pada tahun 1922, pengkaji Mesir Purba Howard Carter menemui mayat Tutankhamun II yang diselaputi emas.

- 1 Merujuk pernyataan di atas, apakah kesimpulan yang dapat dibuat?
T4 B1 ms 20 [P3 B7]
- A Upacara pemujaan semangat
 - B Konsep kehidupan selepas mati
 - C Percaya kepada kelahiran semula
 - D Amalan penyembahan nenek moyang

Masyarakat Indus telah menjalankan hubungan perdagangan dengan masyarakat Mesopotamia.


- 2 Apakah bukti arkeologi yang menyokong pernyataan di atas ?
T4 B1 ms 26 [P1 B7]

- A Cap mohor
- B Batu bersurat
- C Tembikar tanah
- D Gendang gangsa



- 3 Rajah di atas menunjukkan pertembungan tamadun awal. Apakah kesan pertembungan tersebut kepada tamadun Indus?
T4 B1 ms 27 [P2 B2]

- A Pembinaan bandar terancang
- B Peningkatan teknologi pertanian
- C Peluasan kawasan pemerintahan
- D Perkembangan hasil kesusasteraan



- 4 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan gambar di atas?
T4 B1 ms 31 [P4 B2]

- A Pengenalan sistem tulisan
- B Senjata untuk berperang
- C Alat upacara pengebumian
- D Lambang status masyarakat

SPM 2005 (TIADA SOALAN)

SPM 2004

- 1 Apakah faktor yang membawa kepada keruntuhan kerajaan Mesopotamia ?
T4 B1 ms 11 [P1 B1]

- A Penguasaan Parsi
- B Peluasan tamadun Indus
- C Rampasan kuasa golongan pendeta
- D Kemusnahan Taman Tergantung Babylon

2

| Tamadun Awal | Raja |
|--------------|------------------------------------|
| Sumeria | Tuhan atau wakil tuhan |
| Mesir | Jelmaan tuhan, anak Tuhan Matahari |
| Hwang Ho | Mandat daripada tuhan |

Apakah yang dapat dirumuskan daripada maklumat di atas ?

T4 B1 ms 12,13,19 & 31

- I Raja memiliki kuasa mutlak
- II Raja penentu bencana alam
- III Raja berkuasa ke atas kehendak tuhan
- IV Raja perlu mendapat sokongan bangsawan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Mengapakah Kod Undang-Undang Hammurabi penting kepada masyarakat Mesopotamia ? **T4 B1 ms 14 [P4 B8-B9]**

- A Menggalakkan mobiliti sosial
- B Merekodkan urusan pentadbiran
- C Mengukuhkan organisasi masyarakat
- D Mencatatkan harta golongan bangsawan

TINGKATAN 4 BAB 2 : PENINGKATAN TAMADUN


| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|--|---|
| 1. | Acropolis | Pusat pentadbiran atau ibu negeri di Athens |
| 2. | Aristokrasi | Pemerintahan oleh golongan bangsawan / kaya |
| 3. | Augustus Caesar (Rom) Alexander The Great (Yunani) Chandra Gupta Maurya (India) Shih Huang Ti (China) | Tokoh peluasan kuasa / empayar |
| 4. | Budaya Hellenistik | Campuran budaya Yunani dan Parsi dan budaya timur yang lain |
| 5. | Colloseum | Tempat pahlawan bertarung / teater |
| 6. | Demokrasi | Pemerintah dipilih melalui pilihanraya |
| 7. | Diktator | Pemerintah berkuasa mutlak / kuasa tidak terhad |
| 8. | Falsafah Legalisme | Undang-undang tegas / hukuman berat / bercorak kolektif / kawal tingkah laku manusia / raja mesti memiliki kuasa utuh / tidak harus ada belas kasihan |
| 9. | Golongan Helot | Pengusaha tanah |
| 10. | Golongan petani ubah status sosial | Melalui pendidikan / lulus peperiksaan awam |
| 11. | Kedudukan raja dikukuhkan | Upacara keagamaan |
| 12. | Kepentingan Alam Melayu Kepada India (Perdagangan) | Pembekal rempah ratus |
| 13. | Lao Tze / Confucius | Pengasas ajaran |
| 14. | Legalisme | Sistem pemerintahan yang menguatkuasakan kepatuhan ketat kepada undang-undang |
| 15. | Moksya | Disatukan dengan tuhan |
| 16. | Oligarki | Pemerintahan terletak dalam tangan beberapa orang Konsul |
| 17. | Pantheon | Binaan berbentuk kubah / tempat memuja / simpan patung dewa |
| 18. | Parthenon | Rumah berhala |
| 19. | Patrician | Masyarakat Latin dengan pimpinan golongan bangsawan / melakukan pemberontakan |
| 20. | Pax Romana | Zaman kegemilangan Rom dari segi politik dan ekonomi; bererti Keamanan Rom |
| 21. | Pemerintahan oleh 2 orang Konsul | Elak pemusatan kuasa |
| 22. | Pendidikan Athens | Seimbang rohani jasmani / muzik / sukan / membaca / menulis |
| 23. | Pendidikan Sparta | Ketenteraan / setia pada negara / mahir guna senjata / latihan fizikal |
| 24. | Persamaan demokrasi Yunani / Malaysia | Rakyat terlibat dalam pemerintahan |
| 25. | Preator | Pemerintah tentera |
| 26. | Prinsip undang - undang Rom | Hukuman berdasarkan bukti yang cukup / keadilan pada setiap individu / semua sama disisi undang-undang / tidak bersalah sehingga terbukti bersalah |
| 27. | Republik | Negara ditadbir oleh wakil yang dipilih melalui pilihanraya / diketuai Presiden |
| 28. | Sebab Rom Menjadi Sebuah Republik | Pemberontakan golongan patrician |
| 29. | Sistem Penanaman Bergilir | Kesuburan tanah kekal dan tanah guna setiap tahun |
| 30. | Stresthin | Persatuan perdagangan / kawal harga barang / kualiti barang / gaji pekerja |
| 31. | Tembok Besar China | Jamin keselamatan wilayah |
| 32. | Tiang Asoka | Letak tempat awam / mudah baca |
| 33. | Tirani | Pemerintahan zalim oleh diktator |

SPM 2018

- 3 Sistem demokrasi diwarisi daripada tamadun Yunani.
Mengapakah sistem tersebut masih diamalkan sehingga kini?
T4 B2 ms 43 [P5 B2 & SUDUT MAKLUMAT]
- A Kekayaan individu dikawal
 - B Hasil bumi milik negara
 - C Kuasa rakyat diiktiraf
 - D Raja berkuasa penuh
- 4 Dalam buku *Republic*, Plato menghuraikan struktur kerajaan yang baik.
Pernyataan manakah yang berkaitan dengan saranan Plato tersebut?
T4 B2 ms 46 [P2 B4 - B5]
- A Negara diketuai ahli falsafah
 - B Memiliki angkatan tentera yang kuat
 - C Pelaksanaan undang - undang yang ketat
 - D Mengamalkan sistem pemerintahan teokrasi

SPMU 2018

- 3 Rajah 1 berkaitan dengan sistem pemerintahan yang diamalkan dalam Tamadun Rom.



Rajah 1

Apakah kebaikan sistem pemerintahan tersebut ? **T4 B2 ms 43 [P7 B1-B4]**

- A Mengawal kuasa pembesar
- B Memperkukuh kuasa gereja
- C Memulihkan sistem monarki
- D Menghalang pemusatan kuasa

SPM 2017

- 2 Mengapakah masyarakat Athens mementingkan sistem pendidikan?
T4 B2 ms 53 [P4 B2]
- A Mengukuhkan kedudukan politik
 - B Memperkuat anggota tentera
 - C Memajukan bidang ekonomi
 - D Melahirkan rakyat yang seimbang

SPMU 2017

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Tiang Asoka. **T4 B2 ms 46 & 47 [P6 B3]**

| |
|-------------------------------------|
| Tiang Asoka |
| Mengandungi titah perintah maharaja |

Mengapakah tiang tersebut diletakkan di tepi jalan?

- A Memudahkan rakyat membaca
 B Mempamerkan ketinggian seni
 C Melambangkan kemahiran penduduk
 D Membuktikan kemasyhuran pemimpin
- 4 *Stresthin* adalah sebuah pertubuhan perdagangan yang ditubuhkan di India. Apakah matlamat penubuhan tersebut? **T4 B2 ms 51 [P6 B1]**
- A Melahirkan pekerja mahir
 B Mengawal kadar gaji pekerja
 C Menjaga kepentingan majikan
 D Menetapkan had masa bekerja


SPM 2016

- 3 Sebelum menjadi konsul, ahli Dewan Senat perlu menjadi pemerintah tentera. Mengapakah syarat tersebut ditetapkan dalam tamadun Rom? **T4 B2 ms 44 [P1]**
- I Menghapuskan golongan penentang
 II Memudahkan penyebaran agama
 III Memastikan ketua negara kuat
 IV Memilih pemimpin berwibawa
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 4 Pasangan manakah yang betul tentang masyarakat Athens dan masyarakat Sparta dalam tamadun Yunani? **T4 B2 ms 53 [P4 B2 & B10-B11]**

| | Masyarakat Athens | Masyarakat Sparta |
|---|---------------------------------------|---|
| A | Mementingkan kerohanian | Mementingkan peperangan |
| B | Mengamalkan pertanian pindah | Mengamalkan sistem tanaman bergilir |
| C | Mengutamakan pendidikan yang seimbang | Mengutamakan latihan ketenteraan |
| D | Melaksanakan falsafah legalisme | Melaksanakan kepimpinan melalui teladan |

SPMU 2016

- 3 Rajah 1 menunjukkan perubahan sistem pemerintahan di Yunani.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku? **T4 B2 ms 43 [P2 B1]**

- A Pembubaran Dewan Perhimpunan
 - B Campur tangan kuasa asing
 - C Penubuhan Dewan Senat
 - D Desakan dari rakyat
- 4 Apakah persamaan sistem demokrasi yang diamalkan di Yunani dengan sistem demokrasi yang diamalkan pada masa kini?
T4 B2 ms 43 [SUDUT MAKLUMAT]
- A Penglibatan rakyat dalam pembentukan kerajaan
 - B Golongan agama menjadi penasihat pemerintah
 - C Pilihan raya diadakan setiap lima tahun
 - D Raja menjadi ketua pentadbir negara

SPM 2015

- 4 Masyarakat Athens mementingkan sukan, seni berpidato dan kesusasteraan dalam sistem pendidikan.
Mengapakah bidang tersebut penting? **T4 B2 ms 53 [P4 B2]**
- A Memudahkan mobiliti sosial
 - B Membina watak kepimpinan
 - C Melahirkan rakyat yang seimbang
 - D Memperkukuhkan jati diri masyarakat
- 5 Bagaimanakah kedudukan seorang raja di India diperkukuhkan?
T4 B2 ms 44 [P5 B3]
- A Penggunaan gelaran maharaja
 - B Perlantikan golongan Ksyatria
 - C Pengamalan upacara keagamaan
 - D Pengiktirafan golongan Brahmin

SPMU 2015

- 2 Senarai di bawah merujuk kepada negara kota dalam Tamadun Yunani.

| |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Athens • Corinth |
|---|

Mengapakah negara kota tersebut memberi tumpuan kepada aktiviti perdagangan? **T4 B2 ms 51 [P2 B1]**

- A Ramai tenaga mahir tempatan
 B Kekayaan sumber bahan mentah
 C Ketidaksesuaian tanah untuk pertanian
 D Kekurangan punca air untuk pertanian
- 3 Golongan Helot dalam kelas sosial masyarakat Sparta merujuk kepada **T4 B2 ms 62 [P6 B2 & B3]**
- A pengusaha tanah
 B golongan hamba
 C angkatan tentera
 D ahli agama

SPM 2014

- 1 Anda sebagai seorang anak petani di China pada zaman Dinasti Han. Bagaimanakah anda dapat mengubah status sosial anda? **T4 B2 ms 55 [P2 B3]**
- A Memajukan perniagaan
 B Memiliki tanah yang luas
 C Menyertai pasukan tentera tetap
 D Meningkatkan pencapaian pendidikan
- 3 Jadual 1 berkaitan dengan tokoh yang telah menyumbang terhadap perkembangan tamadun.

| Tokoh | Tamadun |
|---------------------|---------|
| Julius Caesar | Rom |
| Chandragupta Maurya | India |

Jadual 1

Apakah sumbangan mereka? **T4 B2 ms 44 [P2 B2, P6 B2]**

- A Membentuk empayar pemerintahan
 B Memperkenalkan pemerintahan monarki
 C Mengasaskan pentadbiran secara birokrasi
 D Melaksanakan sistem pemerintahan republik

- 4 Athens merupakan sebuah negara kota dalam Tamadun Yunani.
Apakah matlamat pendidikan di negara kota tersebut? **T4 B2 ms 53 [P4 B2]**
- A Melahirkan pegawai kerajaan yang berpendidikan
 - B Mewujudkan masyarakat yang celik huruf
 - C Membentuk warganegara yang taat
 - D Melahirkan manusia yang seimbang

SPMU 2014

- 3 Senarai berikut merujuk kepada persatuan yang ditubuhkan dalam tamadun dunia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Persatuan tukang kayu• Persatuan tukang logam• Persatuan tukang kulit |
|---|

Apakah peranan persatuan berikut? **T4 B2 ms 51 [P6 B1]**

- A Melatih pekerja baharu
 - B Mengawal harga barang
 - C Mengeluarkan mata wang
 - D Menyediakan tempat berniaga
- 4 Tamadun Rom mewariskan sistem perundangan kepada dunia.
Apakah prinsip sistem perundangan tersebut?
T4 B2 ms 46 [SUDUT MAKLUMAT]
- A Mengutamakan amalan adat resam tempatan
 - B Memberi keutamaan terhadap ajaran agama
 - C Bentuk hukuman berbeza mengikut kelas
 - D Hukuman berasaskan bukti yang kukuh

SPM 2013

- 3 Tokoh berikut telah menyumbang kepada peningkatan tamadun China

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Lao Tze• Confucius |
|---|

Apakah sumbangan mereka? **T4 B2 ms 67 [P4 B1 & P5 B2]**

- A Pengasas ajaran
- B Perancang bandar
- C Mengatur strategi peperangan
- D Menggubal kod undang-undang

- 4 Jadual 1 berkaitan dengan kejayaan seorang tokoh dalam tamadun awal di China.
T4 B2 ms 49 [P3 B5 & B6]

| Tokoh | Kejayaan |
|---------------|---|
| Shih Huang Ti | Menyatukan seluruh wilayah kecil di China |

Jadual 1

Apakah faktor yang membantu kejayaan tokoh tersebut?

- I Pemerintahan secara autokratik
- II Penghapusan kuasa bangsawan
- III Kemajuan perdagangan
- IV Sokongan rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2012

- 2 Bandar berikut wujud pada zaman tamadun Indus.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Anga • Kalinga • Karusa |
|---|

Apakah persamaan bandar tersebut? **T4 B2 ms 51 [P4 B5]**

- A Pusat perdagangan
- B Pusat penterjemahan
- C Pusat ketenteraan
- D Pusat pertanian

- 3 Jadual 1 menunjukkan perubahan sistem pemerintahan dalam tamadun Rom.
T4 B2 ms 43 [P6 B8]


| Tahun | Perubahan |
|--------------------|-----------------------------|
| 509 sebelum Masihi | Rom menjadi sebuah republik |

Jadual 1

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Penaklukan oleh orang Gasar
- B Pemberontakan golongan Patrician
- C Pertembungan dengan tamadun luar
- D Peningkatan ekonomi penduduk

4 Gambar 2 menunjukkan tokoh tamadun awal dunia.



Apakah sumbangan mereka? **T4 B2 ms 41 [P3 B3] & ms 49 [P1 B6]**

- A Memperkenalkan pemerintahan demokrasi
- B Menyeragamkan undang-undang
- C Mengasaskan sistem empayar
- D Mengamalkan kepimpinan melalui teladan

SPM 2011

3 Negara berikut mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi yang diwarisi daripada Tamadun Yunani. **T4 B2 ms 43 [SUDUT MAKLUMAT]**

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Malaysia • Indonesia • Amerika Syarikat |
|---|

Apakah ciri demokrasi yang diamalkan oleh negara tersebut?

- A Perdana Menteri mengetuai negara
- B Rakyat diberi hak memilih pemimpin
- C Dewan Senat meluluskan undang-undang
- D Ahli Dewan Perhimpunan dilantik oleh ketua negara

4 Pada tahun 509 S.M Rom mengamalkan sistem pemerintahan republik yang ditadbir oleh dua orang konsul. **T4 B2 ms 43 [P7 B4]**

Mengapakah dua orang konsul tersebut dilantik?

- A Memudahkan perluasan empayar
- B Mengukuhkan hubungan luar
- C Menghalang pemusatan kuasa
- D Memilih pemimpin berwibawa

SPM 2010

3 Penganut agama Hindu berusaha untuk mencapai moksha. Mereka berbuat demikian supaya **T4 B2 ms 65 [P4 B12]**

- A Dilahirkan semula
- B Diberi pengampunan
- C Dimasukkan ke syurga
- D Disatukan dengan tuhan

4 Sejak tahun 100 Masihi, perdagangan maritim antara India dengan Alam Melayu telah berkembang. **T4 B2 ms 52 [P1 B3]**

Apakah kepentingan Alam Melayu kepada India pada masa itu?

- A Pusat keagamaan
- B Pusat kesusasteraan
- C Pembekal tenaga buruh
- D Pembekal rempah ratus

SPM 2009

3 Gambar 1 menunjukkan sebahagian daripada Tembok Besar China.



Mengapakah tembok tersebut dibina? **T4 B2 ms 50 [SUDUT MAKLUMAT]**

- A Menandakan sempadan negeri
- B Menjamin keselamatan wilayah
- C Menjadi benteng penghalang banjir
- D Melambangkan keagungan kerajaan

4 Mengapakah bidang berikut diberi penekanan dalam pendidikan di Athens?
T4 B2 ms 53 [P4 B2]

- Sukan
- Seni berpidato
- Kesusasteraan

- A Menanam sikap keberanian
- B Melatih pemimpin berwibawa
- C Melatih individu seimbang
- D Mengukuhkan semangat patriotisme

SPM 2008

1 Mengapakah sistem penanaman secara bergilir diamalkan pada zaman Dinasti Tang di China? **T4 B2 ms 52 [P3 B12]**

- A Meminimumkan kos
- B Mengekalkan kesuburan tanah
- C Mengurangkan tenaga buruh
- D Menjimatkan masa

3 Rajah 1 berkaitan dengan sistem republik yang diamalkan di Rom. **T4 B2 ms 64 [P2 B4]**



Mengapakah dua orang konsul dilantik mengetuai pentadbiran?

- A Menyekat pengaruh gereja
- B Mengimbangi kuasa pemerintah
- C Memperkukuh kedudukan pemerintah
- D Mengelakkan penjajahan kuasa asing

4 Rakyat Athens tidak berpuas hati terhadap golongan aristokrat kerana kuasa mereka mengatasi kuasa raja. **T4 B2 ms 43 [P2 B3]**

Apakah kesan daripada rasa tidak hati tersebut?

- A Perampasan kuasa
- B Pemulauan pilihan raya
- C Pelucutan jawatan pentadbiran
- D Perubahan struktur masyarakat

SPM 2007

- Berbentuk kubah
- Siap semasa Maharaja Flavian
- Tempat pertarungan pahlawan

3 Maklumat di atas merujuk kepada binaan **T4 B2 ms 59 [SUDUT MAKLUMAT]**

- A Pantheon
- B Aqueduct
- C Acropolis
- D Colloseum


4 Andaikan anda seorang ahli Dewan Senat dalam sistem republik di Rom pada tahun 509 S.M. **T4 B2 ms 44 [P1 B3]**
Apakah tugas anda?

- A Merangka undang-undang
- B Mencadang dasar kerajaan
- C Melantik pegawai pentadbir
- D Mengatur strategi ketenteraan

SPM 2006

5 Bagaimanakah Rom menjadi sebuah republik pada tahun 509 S.M?
T4 B2 ms 43 [P6 B8]

- A Penaklukan orang gasar
- B Penjajahan Julius Caesar
- C Pertabalan Maharaja Augustus
- D Pemberontakan golongan *patrician*



6 Berdasarkan rajah di atas, bagaimanakah legalisme dilaksanakan?
T4 B2 ms 47 [P2 B15]


- A Hakim dibayar gaji yang tinggi
- B Rakyat di bawah penguasaan tentera
- C Raja harus memiliki kuasa yang utuh
- D Juri dilantik daripada kalangan bangsawan

SPM 2005

- 1 Bagaimanakah falsafah legalisme dapat membentuk masyarakat berdisiplin?
T4 B2 ms 47 [P2 B6]
- A Pengamalan undang-undang
B Menitikberatkan unsur kasih-sayang
C Pelaksanaan undang-undang yang tegas
D Hubungan harmoni manusia dengan alam
- 2 Bagaimanakah Shih Huang Ti memerintah kerajaannya secara autokrasi?
T4 B2 ms 49 [P3 B6]
- A Mewujudkan polis rahsia
B Melantik hakim yang bergaji
C Mengurangkan kuasa ketua tentera
D Menghapuskan kuasa golongan bangsawan
- 3 Stresthin merupakan sebuah pertubuhan perdagangan di India. Antara matlamat pertubuhannya ialah **T4 B2 ms 51 [P6 B1]**
- A Menjamin kesetiaan pekerja
B Mengawal kadar gaji pekerja
C Mempertahankan hak majikan
D Memperjuangkan had masa bekerja

| Peringkat | Pembelajaran |
|-----------|---|
| Rendah | Mengenal dan menghafal tulisan ideogram |
| Menengah | Menulis karangan dan sastera |
| Tinggi | X |

- 4 Rajah di atas menunjukkan tiga peringkat pendidikan dalam tamadun China, X ialah **T4 B2 ms 55 [P2 B10]**
- A Menterjemah buku suci
B Menghafal kitab agama
C Mencatat salasilah maharaja
D Menulis buku undang-undang



- 5 Rajah di atas merujuk kepada struktur masyarakat mengikut ajaran Confucius. Bagaimanakah status golongan petani boleh berubah kepada kelas yang lebih tinggi? **T4 B2 ms 63 [P2 B7]**
- A Membayar cukai
 - B Mengumpul harta
 - C Memberikan taat setia
 - D Meningkatkan tahap pendidikan
- 6 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan Sukan Olimpik yang diadakan di Yunani pada tahun 776 S.M.? **T4 B2 ms 64 [P8 B4]**
- I Menghormati tuhan Zeus
 - II Persaingan antara negara kota
 - III Dianjurkan dua tahun sekali
 - IV Melibatkan hanya golongan bangsawan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2004


- 4 Apakah persamaan antara sistem demokrasi Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia? **T4 B2 ms 43 [SUDUT MAKLUMAT]**
- A Raja sebagai ketua kerajaan
 - B Rakyat terlibat dalam pemerintahan
 - C Dewan Negara meluluskan belanjawan
 - D Dewan Rakyat menentukan ketua negara
- 5 Apakah faktor penyebaran agama Kristian secara meluas pada Zaman Rom (280 – 337 S.M.) ? **T4 B2 ms 66 [P4 B2]**
- A Penulisan kitab Bible
 - B Pengaruh agama lain kurang
 - C Pengiktirafan oleh Constantine
 - D Perkembangan teknologi percetakan

TINGKATAN 4 BAB 3 : TAMADUN AWAL DI ASIA TENGGARA

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|--|---|
| 1. | Angkor / Funan | Kerajaan Agraria |
| 2. | Asimilasi | Percampuran dua budaya yang berbeza |
| 3. | Baray | Takungan air buatan manusia |
| 4. | Candi | Monumen keagamaan / rumah ibadat / tempat simpan patung dewa / lambang keagungan raja / lambang kesenian / Candi Angkor Wat |
| 5. | Cap mohor | Alat untuk menurunkan tanda pada kertas, surat, dan lain-lain; cap kerajaan, cap pedagang dan lain-lain |
| 6. | Derhaka | Rakyat mesti taat dan tidak boleh menentang raja |
| 7. | Dewa - raja/orde kosmos | Memperkuhkan kedudukan pemerintah |
| 8. | Dinasti | Jurai keturunan raja-raja atau pemerintah daripada keturunan atau keluarga yang sama |
| 9. | Entreport | Pusat perdagangan yang mengendalikan urusan import dan eksport sekaligus |
| 10. | Karma | Daripada bahasa sanskrit. maksudnya semua tingkah laku, perkataan dan pemikiran seseorang semasa hidupnya yang akan menentukan kehidupannya diakhirat /kepercayaan Hindu dan Buddha |
| 11. | Kerajaan Agraria | Berasaskan pertanian / pengairan / pedalaman / tanah subur |
| 12. | Kerajaan Funan berubah daripada agraria kepada maritim | Kedudukan Oc - Eo / kemudahan pelabuhan |
| 13. | Kerajaan maritim | Berasaskan perdagangan / pelabuhan / pesisir pantai / pulau |
| 14. | Lingua Franca | Bahasa yang digunakan secara meluas dalam pelbagai urusan contohnya Bahasa Melayu digunakan dalam perdagangan |
| 15. | Monumen | Binaan bangunan daripada batu / candi / kuil / patung / stupa / arca |
| 16. | Orde kosmos | Negara dianggap sebagai suatu semesta. Raja dan ibu kota pusat alam dan pusat pemerintahan. Raja mengatur kesejahteraan negara. |
| 17. | Pelabuhan entrepot | Bekal hasil kepada pedagang antarabangsa / beli barangan dari pedagang antarabangsa dan mengedar kepada pedagang yang datang |
| 18. | Pelabuhan kerajaan | Asalnya pelabuhan pembekal tetapi berkembang apabila adanya kerajaan seperti Kedah Tua, Srivijaya |
| 19. | Pelabuhan pembekal | Bekal hasil tempatan seperti emas, makanan kepada pedagang |
| 20. | Raja Indravarman I | Majukan pertanian / bina sistem pengairan |
| 21. | Rakyat takut derhaka | Raja bayangan tuhan |
| 22. | Srivijaya / Kedah Tua /Majapahit | Kerajaan Maritim |
| 23. | Tasik Tonle Sap | Bekalan air / bekalan ikan / tanaman padi / suburkan tanah |
| 24. | Unsur mitos / magis | Kukuhkan kedudukan raja |
| 25. | Veda | Dalam bahasa sanskrit bererti pengetahuan berkaitan dengan agama Hindu; salah satu atau keempat-empat penulisan tentang agama Hindu |

SPM 2018

5 Peta 1 menunjukkan kedudukan Tasik Tonle Sap.



Mengapakah tasik tersebut penting kepada masyarakat sekitar?

T4 B3 ms 77 [SUDUT MAKLUMAT]

- I Perdagangan antarabangsa
 - II Benteng keselamatan
 - III Sumber pengairan
 - IV Bekalan protein
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6 Maklumat berikut berkaitan dengan pemerintah dalam tamadun dunia

| Pemerintah | Kerajaan |
|--------------------|-------------|
| Raja Indravarman I | Angkor |
| Firaun Hatshepsut | Mesir Purba |

Apakah persamaan sumbangan kedua - dua pemerintah tersebut?

T4 B1 ms 20 [P1 B1- B4] & T4B3 ms 76 & 77 [P3 B3]

- A Memperkenalkan sistem perundangan
- B Meluaskan kegiatan perdagangan
- C Memperkuat sistem pertahanan
- D Meningkatkan hasil pertanian

SPMU 2018

- 4 Dialog berikut mungkin berlaku pada abad ke-9 Masihi.
T4 B3 ms 79 [P4 B3-B7]

Pedagang India : Kita akan sampai ke *Suvarnabhumi* beberapa hari lagi.

Nakhoda kapal : Ya, betul.

Dimanakah *Suvarnabhumi* yang dimaksudkan dalam dialog tersebut ?

- A Funan
- B Angkor
- C Pulau Jawa
- D Tanah Melayu

- 5 Kerajaan Melayu berikut diasaskan di sekitar Selat Melaka pada abad ke-5 Masihi dan abad ke 7 Masihi.

- Kedah Tua
- Srivijaya

Kemajuan dan perkembangan kedua-dua kerajaan tersebut berkaitan dengan
T4 B3 ms 79 [P3 B1-B3]

- A bantuan daripada negara luar
- B perkembangan agama Hindu
- C keluasan kawasan pertanian
- D aktiviti perdagangan

- 6 Proses gali cari telah menemukan artifak berikut di Kedah.
T4 B3 ms 81 [P3 B3] ms 82 [P1 B1-B7]


- Manik
- Tembikar China
- Pelita tembaga

Penemuan artifak tersebut dapat dikaitkan dengan kewujudan

- A kegiatan penaklukan
- B pelabuhan entreport
- C penghantaran ufti
- D pusat pengajian

SPM 2017

- 5 Rajah 2 berkaitan dengan bentuk kerajaan awal di Asia Tenggara.
T4 B3 ms 75 [P2 B1-B3 & P4 B1-B4]



Rajah 2

Apakah perkara yang membezakan kedua-dua bentuk kerajaan tersebut ?

- I Kegiatan ekonomi
 II Lokasi kerajaan
 III Anutan agama
 IV Sistem pemerintahan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan awal di Asia Tenggara.
T4 B3 ms 81 [P2 B15]

- Srivijaya
- Kedah Tua

Kerajaan tersebut berkembang kerana

- A banyak bekalan hasil pertanian
 B mendapat perlindungan kuasa asing
 C terdapat pelabuhan untuk kegiatan perdagangan
 D terletak di kawasan pedalaman yang subur

SPMU 2017

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- Angkor
- Srivijaya

Apakah persamaan kedua-dua kerajaan tersebut?

T4 B3 ms 84 [SUDUT MAKLUMAT]

- A Mengutamakan pendidikan golongan bangsawan
 B Menerima pertuanan China
 C Menerima pengaruh Hindu-Buddha
 D Menjalin perdagangan dengan Funan

- 6 Bagaimanakah pemerintah kerajaan Agraria di Asia Tenggara memajukan sektor pertanian? **T4 B3 ms 76 [P2 B2]**
- A Membina sistem pengairan
 - B Membawa masuk tenaga buruh
 - C Menaik taraf kemudahan pelabuhan
 - D Memperkenal kaedah penggiliran tanaman

SPM 2016

- 5 Apakah peranan golongan Brahmin dalam kerajaan awal di Asia Tenggara? **T4 B3 ms 85 [P6 B2]**
- A Mengetuai upacara keagamaan
 - B Menguruskan perbendaharaan
 - C Menjaga keamanan
 - D Mentadbir wilayah
- 6 Bagaimanakah kerajaan agraria memajukan ekonomi? **T4 B3 ms 76 [P2 B2]**
- A Memastikan tenaga buruh mencukupi
 - B Mengemaskini sistem kutipan cukai
 - C Menaik taraf kemudahan pelabuhan
 - D Memantapkan sistem pengairan

SPMU 2016

- 5 Apakah faktor kemajuan kerajaan Srivijaya sebagai pusat perdagangan utama di Asia Tenggara dari abad ke-7 hingga abad ke-13 Masihi? **T4 B3 ms 80 [P3 B3]**
- A Hasil galian banyak
 - B Tenaga kerja cekap
 - C Kadar cukai rendah
 - D Tentera laut kuat
- 6 Mengapakah kerajaan maritim sangat bergantung kepada kerajaan agraria? **T4 B3 ms 83 [P1 B6]**
- A Mendapat bekalan makanan
 - B Memperkuat sistem pertahanan
 - C Meningkatkan kutipan cukai
 - D Memperluas kawasan taklukan

SPM 2015

- 6 Dalam kerajaan awal di Asia Tenggara, raja dikaitkan dengan konsep berikut.

- Dewa Raja
- Orde Kosmos

Mengapakah konsep tersebut dikaitkan dengan raja?

T4 B3 ms 85 [P5 B6] ms 85 [P7 B1-B3] ms 86 [P1 B1]

- A Mengekalkan pemerintahan yang adil
- B Memantapkan adat istiadat di istana
- C Mempelbagai upacara keagamaan
- D Memantapkan kuasa pemerintahan

- 7 Gambar 1 ialah Gunung Jerai di Kedah. **T4 B3 ms 82 [P2 B3]**



Gambar 1

Apakah kepentingan gunung tersebut kepada kemajuan kerajaan Kedah Tua?

- A Memudahkan kedatangan pedagang
- B Simbol penguasaan alam semesta
- C Lambang kekuatan pemerintah
- D Benteng pertahanan negeri

SPMU 2015

- 5 Senarai berikut adalah artifak yang ditemui di lokasi kerajaan Kedah Tua.
T4 ms B3 81 [P3 B1-B4] ms 82 [P1 B7]

- Tembikar Qing Pai
- Pelita tembaga
- Manik

Penemuan tersebut membuktikan bahawa kerajaan Kedah Tua

- A menjadi pusat penyebaran agama
- B mengutamakan pengkhususan pekerjaan
- C sebagai pusat pembuatan barang hiasan
- D merupakan sebuah pelabuhan entrepot

- 6 Raja Indravarman I telah berjaya meningkatkan produktiviti pertanian di Angkor. Apakah faktor kejayaan tersebut?

T4 B3 ms 76 [P3 B1-B3] ms 77 [P1 B1-B2]

- A Penerokaan tanah baharu
- B Bekalan tenaga buruh luar
- C Keberkesanan sistem pengairan
- D Pelaksanaan sistem tanaman bergilir

SPM 2014


- 5 Peta 1 menunjukkan kerajaan maritim di Asia Tenggara. **T4 B3 ms 80 [P1 B5]**



Peta 1

Mengapakah kerajaan tersebut berjaya meneroka dunia luar?

- A Kegiatan pertanian berkembang maju
 - B Kerajaan asing memberikan bantuan
 - C Pusat latihan kelautan ditubuhkan
 - D Mahir dalam pembinaan kapal
- 6 Rajah 1 berkaitan dengan perubahan yang berlaku kepada kerajaan Funan.



Rajah 1

Mengapakah perubahan tersebut berlaku? **T4 B3 ms 76 [SUDUT MAKLUMAT]**

- A Kekuatan tentera
- B Peluasan empayar
- C Kemajuan pelabuhan
- D Pertambahan penduduk

SPMU 2014

5 Senarai berikut adalah pelabuhan awal di Asia Tenggara.

- Jenderam Hilir
- Kuala Berang
- Kuala Selinsing

Apakah jenis pelabuhan tersebut? **T4 B3 ms 79 [P1 B3-B4]**

- A Pelabuhan bebas
- B Pelabuhan tempatan
- C Pelabuhan pembekal
- D Pelabuhan kerajaan

6 Apakah faktor yang membolehkan kerajaan Srivijaya menjadi sebuah kerajaan maritim yang terulung di Asia Tenggara? **T4 B3 ms 80 [P3 B3]**

- A Sumber asli diterokai
- B Bekalan buruh ramai
- C Angkatan tentera kuat
- D Sistem pengairan moden

SPM 2013

5 Raja Indravarman I memerintah kerajaan Angkor mulai tahun 877 Masihi. Apakah sumbangan baginda terhadap kerajaan Angkor ?
T4 B3 ms 77 [P1 B1]

- A Menyediakan kemudahan pelabuhan
- B Memajukan perusahaan perkapalan
- C Menghapuskan cukai tanaman
- D Membina takungan air

6 Dalam kerajaan awal Asia Tenggara, rakyat biasa takut untuk menderhaka kepada raja. **T4 B3 ms 85 [P5 B2]**

Mengapakah mereka bersikap demikian ?

- A Raja menguasai empayar
- B Raja menjadi ketua pendeta
- C Raja adalah bayangan tuhan
- D Raja memiliki kekuatan tentera

SPM 2012

5 Unsur mitos merupakan elemen penting dalam kerajaan awal di Asia Tenggara. Apakah kepentingan unsur tersebut? **T4 B3 ms 85 [P5 B6]**

- A Memperkukuhkan kedudukan pemerintah
- B Mendaulatkan sistem perundangan
- C Mengiktiraf golongan pendeta
- D Mengekalkan warisan tradisi


6 Dalam sistem pentadbiran kerajaan Srivijaya, terdapat jawatan datu. Apakah persamaan datu dalam sistem pentadbiran tersebut?

T4 B3 ms 87 [P1 B9-B10]

- A Ketua agama
- B Pentadbir daerah
- C Pemerintah tentera
- D Pencatat salasilah raja

SPM 2011

5 Rajah berikut menunjukkan tahap perkembangan sesebuah pelabuhan dalam kerajaan awal di Asia Tenggara. **T4 B3 ms 79 [P1 B6]**



Pelabuhan X dalam rajah tersebut ialah

- A Pelabuhan bandar
- B Pelabuhan nelayan
- C Pelabuhan kerajaan
- D Pelabuhan bebas

6 Gambar berikut menunjukkan candi Angkor Wat di Kemboja.



Mengapakah kerajaan Angkor membina candi tersebut?

T4 B3 ms 88 [P3 B8]

- A Sebagai pusat kegiatan perdagangan
- B Menjadi pusat pentadbiran
- C Lambang penguasaan alam semesta
- D Memperkukuhkan sistem pertahanan negara

SPM 2010

5 Apakah faktor kemajuan masyarakat kerajaan maritim di Asia Tenggara?
T4 B3 ms 80 [P1 B5]

- A Kekayaan hasil pertanian
- B Kekayaan hasil hutan
- C Kemahiran membina kapal
- D Kebolehan membina terusan

6 Bagaimanakah kerajaan Funan berubah daripada kerajaan agraria kepada kerajaan maritim? **T4 B3 ms 76 [SUDUT MAKLUMAT]**

- A Pertahanan laut kuat
- B Pelabuhan yang strategik
- C Persaingan antara kerajaan
- D Kemerostan hasil pertanian

SPM 2009

5 Mengapakah konsep berikut diamalkan oleh kerajaan awal di Asia Tenggara?
T4 B3 ms 85 [P5 B6]

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Konsep dewa-raja• Konsep orde-kosmos |
|---|

- A Mempelbagaikan istiadat istana
- B Mengekalkan pentadbiran yang adil
- C Menggambarkan upacara keagamaan
- D Mengukuhkan kedudukan pemerintah

6 Pada zaman pemerintahan Raja Indravarman I, kerajaan Angkor berjaya menghasilkan beras yang mencukupi untuk menampung keperluan rakyat. Apakah faktor kejayaan tersebut? **T4 B3 ms 77 [P1 B1]**

- A Pembinaan baray
- B Kemasukan buruh luar
- C Penerokaan tanah baru
- D Pengenalan kaedah penggiliran tanaman

SPM 2008

- 5 Pernyataan berikut merujuk kepada hubungan antara kerajaan agraria dengan kerajaan maritim. **T4 B3 ms 83 [P1 B6]**

Saling bergantung antara satu sama lain

Apakah kesan hubungan tersebut kepada kerajaan agraria?

- A Menjadi kuasa laut yang unggul
B Pesaing yang hebat
C Pembekal sumber makanan
D Menakluk kawasan berhampiran
- 6 Apakah kesan pembinaan sistem pengairan di Angkor pada zaman Raja Indravarman I? **T4 B3 ms 77 [P1 B3]**
- A Penempatan kekal lebih banyak
B Keperluan beras negara mencukupi
C Sistem pertanian pindah berkembang
D Pergantungan pada hasil hutan berkurangan

SPM 2007

- 5 Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Angkor menjadi sebuah kerajaan yang ulung di Asia Tenggara? **T4 B3 ms 77 [P2 B4-B5 & B7-B8]**


- I Perancangan bandar teratur
II Iklim sesuai untuk pertanian
III Berhampiran Tasik Tonle Sap
IV Terlindung daripada bencana alam

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- *Nagarakertagama*
 - *Hikayat Pendawa Lima*

- 6 Senarai di atas merujuk kepada hasil kesusasteraan di Asia Tenggara. Apakah yang dapat disimpulkan berkaitan dengan hasil kesusasteraan tersebut? **T4 B3 ms 93 [P3 B1]**

- A Dipengaruhi unsur India
B Ditulis golongan pendeta
C Diminati para bangsawan
D Dijadikan dasar perundangan

SPM 2006

7 Apakah kaitan penemuan artifak di atas dengan kerajaan Kedah Tua?

T4 B3 ms 81 [P3 B3]

- A Pusat pengumpulan barang
- B Sebuah pelabuhan entreport
- C Hubungan baik dengan China
- D Kerajaan tertua di Tanah Melayu

SPM 2005 (TIADA SOALAN)**SPM 2004**

6 Mengapakah kerajaan Funan berkembang daripada kerajaan agraria kepada kerajaan maritim? **T4 B3 ms 76 [SUDUT MAKLUMAT]**

- A Kekayaan hasil laut
- B Peningkatan hasil pertanian
- C Perubahan dasar pemerintahan
- D Kedudukan Oc-Eo yang strategik

7

| Kerajaan | Zaman |
|-----------|---------------------------|
| Kedah Tua | Abad ke-5M. hingga ke-13M |
| Srivijaya | Abad ke-7M. hingga ke-13M |

Apakah persamaan antara kedua-dua kerajaan di atas?

T4 B3 ms 80 [P3] ms 81 [P3 B1]

- A Peluasan kuasa
- B Kawasan pertanian yang luas
- C Pusat pengajian agama Hindu
- D Ekonomi berasaskan perdagangan

**TINGKATAN 4 BAB 4 :
KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH**

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|--|--|
| 1. | Agama Hanif | Agama yang disampaikan Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Ismail a.s |
| 2. | Al-Aqram Bin Abu Arqam | Wakaf rumah |
| 3. | Bentuk pemulauan terhadap islam | Tidak boleh berkahwin, beri bantuan, berniaga |
| 4. | Cara Nabi Muhammad SAW sebar islam | Sembunyi 3 tahun, terbuka 10 tahun |
| 5. | Ciri masyarakat jahiliyah | Minum arak, bunuh anak perempuan, berzina, merompak, semangat assabiah, riba, penindasan orang kaya terhadap orang miskin, sembah berhala, tilik nasib |
| 6. | Digelar al-Amin | Dipercayai |
| 7. | Empangan Maarib runtuh | Berlaku banjir besar dan kelalaian pemimpin membaiki semula |
| 8. | Jahil | Tidak mengetahui, tidak mempunyai ilmu pengetahuan, bodoh |
| 9. | Kafilah | Kumpulan manusia yang bergerak satu tempat ke satu tempat dengan tujuan berniaga, berpindah |
| 10. | Keperibadian Nabi Muhammad SAW | Siddiq, amanah, tabliq dan fatanah |
| 11. | Khurafat | Kepercayaan tahyul atau karut |
| 12. | Malaikat | Makhluk yang dijadikan Allah sebagai pesuruh-Nya dalam ajaran Islam |
| 13. | Murtad | Orang yang keluar daripada agama Islam |
| 14. | Peperangan al-Basus | Pembunuhan anggota kabilah |
| 15. | Perang al-Basus | Tiada kerajaan pusat yang kuat/ Semangat assabiah / puak |
| 16. | Ramai hamba memeluk islam | Mendapat hak yang sama |
| 17. | Sebab hijrah ke Habsyah | Kurangkan penindasan / dapatkan perlindungan |
| 18. | Sebab orang Quraisy menentang ajaran islam | Perbezaan kepercayaan, konsep persamaan taraf, ekonomi membuat berhala terjejas, salah anggap tugas nabi |
| 19. | Sistem Kabilah | Cara hidup berpuak- puak dan berkelompok |
| 20. | Wahyu kedua surah Al-Muddasir | Isytihar Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah dan wajib sebar islam |
| 21. | Wahyu pertama surah Al-Alaq | Membaca, pemisah zaman jahiliyah dengan islam |
| 22. | Cara Nabi Muhammad SAW sebar islam | Tidak paksa, tunjuk akhlak mulia, guna ayat Al-Quran, bandingkan akhlak jahiliyah dengan islam, beri penerangan |

SPM 2018

- 7 Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan Sistem Kabilah.
Apakah kesan amalan sistem tersebut? **T4 B4 ms 101 & 102 [P1 B2-B3]**

- I Perang kerap berlaku
- II Sistem beraja merosot
- III Pengaruh asing lemah
- IV Semangat assabiah muncul

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan pemimpin Quraisy di kota Makkah pada zaman Jahiliah.

| |
|---|
| Pemimpin A : Nampaknya Muhammad menolak semua tawaran kita |
| Pemimpin B : Ya, kita mesti bertindak tegas terhadap Muhammad |

Berdasarkan dialog di atas, apakah tindakan yang diambil terhadap Nabi Muhammad SAW? **T4 B4 ms 112 [P4 B1-B6 & P5 B1]**

- A Merampas harta benda
- B Menangkap saudara terdekat
- C Memulaukan keluarga baginda
- D Mengenakan cukai yang tinggi

SPMU 2018

- 10 Masyarakat Arab pada Zaman Jahiliah sering bergaduh sesama sendiri.

Mengapakah pergaduhan tersebut berlaku? **T4 B4 ms 102 [P1 B2-B5]**

- A Pertukaran hak menguasai telaga zamzam
- B Perebutan hak milik untuk mengawal Kaabah
- C Pertelagahan kuasa mengutip cukai
- D Pengamalan semangat kesukuan

SPM 2017

- 7 Mengapakah masyarakat Arab Jahiliah sering diserang oleh Rom dan Parsi ?
T4 B4 ms 102 [P2 B6]

- A Mencabuli perjanjian yang telah dimeterai
- B Mengamalkan penyembahan berhala
 - D Melatih penduduk tempatan mentadbir
- 29 Apakah manfaat yang diperoleh orang Melayu melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? **T5 B4 ms 108 [P2 B2-B3]**
- A Kebebasan berpolitik
 - B Menguasai pentadbiran
 - C Menentukan kerakyatan
 - D Kedudukan istimewa dilindungi

SPM 2007

| Tahun | Peristiwa |
|-------|--------------------------|
| 1946 | Pengenalan Malayan Union |

- 27 Apakah kesan peristiwa di atas terhadap orang Melayu?
T5 B4 ms 102 [P2 B1-B2]
- A Perpaduan kukuh
 - B Ekonomi meningkat
 - C Budaya berkembang
 - D Kuasa sultan bertambah



28 Rajah di atas menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.

Apakah tujuan British melakukan perubahan di atas? **T5 B4 ms 95 [P3 B1]**

- A Melicinkan pentadbiran
- B Memajukan penduduk tempatan
- C Menghapuskan sempadan negeri
- D Menghapuskan pengaruh komunis

| |
|-----------------|
| Piagam Atlantik |
|-----------------|

29 Apakah gesaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang terkandung dalam piagam di atas? **T5 B4 ms 104 [P3 B10-B13]**

- A Dasar liberalisasi
- B Amalan realpolitik
- C Dasar dekolonisasi
- D Amalan monarki

SPM 2006

| Tarikh | Peristiwa |
|-----------------|---|
| 8 Februari 1946 | Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. |

32 Mengapakah penyerahan tersebut ditentang oleh pemimpin dan persatuan kaum tempatan Sarawak? **T5 ms 110 [P4 B7]**

- A Penentangan Majlis Negeri
- B Penipuan terhadap pembesar
- C Penghapusan hak istimewa peribumi
- D Percanggahan dengan Perlembagaan 1941

SPM 2005

29 Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British pada tahun 1946. Mengapakah penyerahan tersebut tidak dipersetujui oleh penduduk Sarawak? **T5 B4 ms 110 [P4 B7]**

- A Mencanggahi Perlembagaan 1941
- B Mendapat tentangan ahli Majlis Negeri
- C Mengugut pembesar bagi mendapat persetujuan
- D Menghapus hak istimewa pemimpin tempatan

SPM 2004

28

| Akhbar | Tempat |
|---------------|--------------|
| Utusan Melayu | Singapura |
| Majlis | Kuala Lumpur |
| Warta Negara | Pulau Pinang |

Apakah peranan akhbar di atas semasa Malayan Union diperkenalkan?

T5 B4 ms 100, 101 [JADUAL]

- A Menyeru orang Melayu bersatu
- B Menganjurkan pertubuhan politik
- C Menyebarkan ideologi demokrasi
- D Memulaukan upacara pelantikan Gabenor

TINGKATAN 5 BAB 5 : PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|---|--|
| 1. | Autonomi | Bidang kuasa pemerintahan tertentu dalam hubungan antara dua pihak yang bersekutu |
| 2. | Ciri-ciri Sistem Ahli | Kabinet bayangan / sistem ahli dikenali ahli / perlantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu / ada sembilan orang ahli |
| 3. | Dato' Onn Jaafar buka keahlian UMNO kepada bukan Melayu | Kukuhkan perpaduan |
| 4. | Dato' Panglima Bukit Gantang | Setiausaha Agung Umno pertama |
| 5. | Isi Perjanjian Persekutuan TM | Bentuk Kerajaan Persekutuan / ada Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri / guna Raja Berperlembagaan / tiga jenis kerakyatan; Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan, Naturalisasi / prinsip jus soli diterima / kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan / agama Islam agama rasmi / Tanah Simpanan Melayu dikekalkan / BM bahasa kebangsaan / YDPA ketua negara / demokrasi berparlimen; Dewan Rakyat, Dewan Negeri / Menteri Besar pelaksana pentadbiran, dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO |
| 6. | Jenis Kerakyatan yang diterima dalam PTM | Melalui permohonan - kuatkuasa undang-undang |
| 7. | Kabinet Bayangan | Satu susunan kumpulan eksekutif yang menguruskan pentadbiran negara secara tidak ketara |
| 8. | Kedudukan istimewa orang Melayu | Dasar melindungi orang Melayu dan bumiputera dalam bidang perniagaan dan pendidikan |
| 9. | Kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu | Sistem raja berperlembagaan kuasa negeri dan persekutuan dipisahkan |
| 10. | Konvensyen Kebangsaan | Pembentukan Parti Perikatan |
| 11. | Majlis Raja-Raja Melayu | Badan yang dianggotai sembilan Raja Negeri-negeri Melayu / ditubuhkan 1 Februari 1948 |
| 12. | Manifesto | Satu program atau perancangan parti-parti politik yang menyertai pilihan raya. Program ini dijanjikan pelaksanaannya jika mereka berjaya membentuk kerajaan |
| 13. | Manifesto Parti Perikatan Menang Pilihan Raya | Perjuangan kemerdekaan |
| 14. | Naturalisasi | Jenis kerakyatan yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi mereka yang dianggap telah berjasa kepada Persekutuan Tanah Melayu |
| 15. | Pakatan Murni | Usaha semua kaum menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik |
| 16. | Rundingan London | Suruhanjaya kaji perlembagaan |
| 17. | Sistem Ahli | Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri / model negara Kenya dan Rhodesia Utara / dasar dekolonisasi / kurangkan tekanan komunis |
| 18. | Suruhanjaya Reid | Membincangkan dan menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu / diketuai Lord William Reid, Sir Ivor Jennings, Sir William McKell, Tuan B.S Malik, Tuan Abdul Hamid |
| 19. | Tugas Ahli dalam Sistem Ahli | Mencadangkan undang-undang |

| | | |
|-----|--------------------|---|
| 20. | Tun Abdul Razak | Perdana Menteri kedua / Menteri Pembangunan |
| 21. | Tunku Abdul Rahman | Perdana Menteri pertama / Baba Kemerdekaan Malaysia / Pengisytiharaan tarikh merdeka di Melaka |
| 22. | UMNO dan CLC | Penubuhan RIDA |
| 23. | UMNO dan MCA | Menang pilihan raya |

SPM 2018

31 Maklumat berikut berkaitan fungsi Suruhanjaya Reid.

- Menetapkan kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa Kerajaan Negeri
- Mewujudkan rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu
- X

Apakah X ? **T5 B5 ms 125 [P3 B3-B9]**

- A Menentukan sempadan negeri
- B Menetapkan syarat kerakyatan
- C Merangka perlembagaan negara
- D Mencadangkan tarikh pilihan raya

32 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran British.

| Tahun | Sistem Yang Diperkenalkan |
|-------|---------------------------|
| 1951 | Sistem Ahli |

Apakah manfaat pengenalan sistem tersebut kepada rakyat Tanah Melayu?
T5 B5 ms 119 [P2 B1-B4]

- A Berhak mengawal kewangan
- B Berkuasa menentukan dasar
- C Memperkukuh penguasaan politik
- D Menimba pengalaman mentadbir kerajaan

SPMU 2018

30 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani pada 15 Ogos 1957.

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada penduduk Tanah Melayu?
T5 B5 ms 130 [P2 B1-B4]

- A Meneruskan kuasa British
- B Majlis Mesyuarat Negeri dibentuk
- C Mendapat hak untuk memerintah sendiri
- D Menamatkan sistem pemerintahan monarki

31 Pada tahun 1956, Suruhanjaya Reid telah dibentuk untuk merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

Apakah perkara asas yang dipertimbangkan dalam rangka perlembagaan tersebut? **T5 B5 ms 125 [P3 B12-B13]**


- A Kedudukan British
- B Jawatan tradisional
- C Bantahan negara jiran
- D Kuasa autonomi negeri

SPM 2017

31 Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951. Sejauh manakah sistem tersebut menepati matlamat British untuk mematuhi proses dekolonisasi. **T5 B5 ms 117 [P1 B1-B3]**

- A Kabinet bayangan bebas daripada kawalan kerajaan pusat
- B Pemimpin tempatan merangka dasar kerajaan
- C Pengiktirafan terhadap pemerintahan beraja
- D Penduduk tempatan diberi peluang mentadbir

32 Rajah 3 menunjukkan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.



Rajah 3

Mengapakah perkembangan tersebut berlaku ? **T5 B5 ms 121 [P2 B4-B6]**

- A Keputusan pilihan raya tidak memberangsangkan
- B Kecekapan sistem pentadbiran negara meningkat
- C Pengaruh orang dagang semakin kuat
- D Perpaduan antara kaum tidak mantap

SPMU 2017

31 Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya Reid.

- Merangka perlembagaan negara
- X

Apakah X ? **T5 B5 ms 126 [P1 B3]**

- A Membendung kegiatan komunis
- B Menetapkan sempadan antara negeri
- C Menetapkan kuasa Yang di-Pertuan Agong
- D Membentuk rupa bangsa di Tanah Melayu

32 Apakah kebaikan Sistem Ahli kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu? **T5 B5 ms 119 [P1 B1-B2, P2 B2-B3]**

- A Mendapat peluang mentadbir kerajaan
- B Mengekalkan pentadbiran tradisional
- C Mendapat pengiktirafan kuasa besar
- D Menjimatkan kewangan kerajaan

SPM 2016

- 31 Maklumat berikut merujuk kepada rundingan antara wakil Tanah Melayu dengan British.

T5 B5 ms 124 [P1 B3]

| Rundingan London |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd • Berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956 |

Apakah keputusan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Pelaksanaan pilihan raya umum
 B Pemberian kemerdekaan tanah air
 C Pengekalan hak istimewa orang melayu
 D Pelantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri

SPMU 2016

- 31 Maklumat berikut adalah usaha untuk menyatukan kaum di Tanah Melayu.

| |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) • Pembukaan keahlian Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) kepada orang bukan Melayu |
|---|

Mengapakah usaha tersebut penting?

T5 B5 ms 120 [P2 B8]

- A Merangka perlembagaan Persekutuan
 B Mempercepat kemerdekaan negara
 C Menetapkan syarat kerakyatan
 D Memantapkan Sistem Ahli

- 32 Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951.

T5 B5 ms 119 [P1 B4-B5]

Bagaimanakah sistem tersebut dapat memperkukuh perpaduan rakyat?

- A Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
 B Undang-undang antiperkauman digubal
 C Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
 D Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan

SPM 2015

- 31 Gambar 3 berkaitan Rundingan London yang diadakan pada tahun 1956 .
T5 B5 ms 124 [P1 B1-B2]



Apakah keputusan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Pembentukan Jawatankuasa Antara Kaum
 - B Kelonggaran syarat mendapatkan kerakyatan
 - C Penubuhan suruhanjaya bebas mengkaji perlembagaan
 - D Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
- 32 Konvensyen Kebangsaan dianjurkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1953. Apakah hasil konvensyen tersebut? **T5 B5 ms 121 [P3 B5]**
- A Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perbandaran
 - B Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya
 - C Pelantikan Jawatankuasa Pilihan Raya
 - D Pembentukan Parti Perikatan

SPMU 2015

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Reid. **T5 B5 ms 126 [P3 B1]**

| |
|---|
| Fungsi Suruhanjaya Reid |
| Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka. |

Apakah isu yang diberikan perhatian oleh suruhanjaya tersebut?

- A Hal kerakyatan
- B Penetapan sempadan
- C Hal ehwal imigresen
- D Peruntukan kewangan

- 32 Gambar 1 adalah tokoh yang telah berjasa kepada Malaysia.
T5 B5 ms 131 [P3 B3-B4 & P4 B2] ms 132 [P1 B6]



Tun Haji Abdul Razak Tun H.S. Lee Tun V.T. Sambanthan
Gambar 1

Apakah jasa mereka?

- A Menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara
- B Menentang Malayan Union
- C Menamatkan zaman darurat
- D Menyatupadukan rakyat

SPM 2014

- 30 Gambar 1 adalah Dato' Onn bin Jaafar. **T5 B5 ms 120 [P4 B1-B2]**



Gambar 1

Apakah cadangan beliau untuk menyatupadukan penduduk Tanah Melayu sebelum merdeka?

- A Membuka keahlian UMNO kepada semua kaum
- B Menubuhkan Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
- D Membentuk Parti Perikatan

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan rundingan yang dilakukan sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. **T5 B5 ms 124 [P1 B1-B2]**

| Tarikh | Rundingan |
|------------------------------|------------------|
| 18 Januari - 8 Februari 1956 | Rundingan London |

Apakah persetujuan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum
 B Penetapan syarat mendapatkan kerakyatan
 C Pembentukan suruhanjaya bebas mengkaji perlembagaan
 D Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
- 32 Apakah yang dilaksanakan oleh pemimpin Tanah Melayu pada tahun 1950-an untuk merealisasikan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu? **T5 B5 ms 131 [P2 B4]**

- A Memperkukuh perpaduan kaum
 B Mengadakan pungutan suara
 C Mendapatkan sokongan luar
 D Berunding dengan komunis

SPMU 2014

- 31 Gambar 3 adalah tokoh yang telah menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (*Independence for Malaya Party*) pada tahun 1950-an.



Mengapakah beliau menubuhkan parti tersebut? **T5 B5 ms 121 [P1 B2-B3]**

- A Memantapkan kedudukan UMNO
 B Mendapatkan bantuan daripada British
 C Mewujudkan kerjasama pelbagai kaum
 D Melemahkan ancaman pengganas komunis
- 32 Pada tahun 1956, Suruhanjaya Reid telah dibentuk. **T5 B5 ms 125 [P3 B2]**
 Apakah peranan suruhanjaya tersebut?
- A Merancang pembangunan ekonomi
 B Melatih rakyat tempatan dalam pentadbiran
 C Membentuk Jawatankuasa Perpaduan Kaum
 D Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

SPM 2013

- 30 Pada bulan Februari 1952, UMNO Kuala Lumpur dan MCA telah menjalin kerjasama dalam bidang politik. **T5 B5 ms 121 [P4 B9]**

Apakah kesan kerjasama tersebut terhadap UMNO dan MCA?

- A Ditentang hebat oleh Parti Kemerdekaan Malaya
- B Mendapat bantuan kewangan daripada British
- C Gagal mendapat sokongan semua kaum
- D Menang dalam pilihan raya majlis perbandaran

SPM 2012

- 30 Pada tahun 1951, Dato' Onn bin Jaafar mencadangkan agar keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu.

Mengapakah beliau bertindak sedemikian? **T5 ms 121 [P1 B2-B3]**

- A Memantapkan pentadbiran kerajaan
- B Mengiktiraf peranan kaum imigran
- C Memperkuat organisasi parti
- D Memperkukuh perpaduan

- 31 Antara yang berikut, manakah jenis kerakyatan yang telah diterima dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? **T5 B5 ms 127 [JADUAL]**

- I Melalui permohonan
- II Kuat kuasa undang-undang
- III Perkenan Raja-Raja Melayu
- IV Kelulusan Dewan Undangan Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2011

- 29 Mengapakah sistem berikut diperkenalkan oleh British di tanah Melayu? **T5 B5 ms 119 [P1 B2]**

| Tahun | Perkara |
|-------|---------------------------|
| 1951 | Sistem Ahli diperkenalkan |

- A Merangka perlembagaan baru
- B Membincangkan syarat kewarganegaraan
- C Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri
- D Melaksanakan pilihan raya umum

- 30 Tokoh berikut telah dilantik memegang portfolio dalam Sistem Ahli pada tahun 1951.

- Dato Onn Bin Jaafar
- Dr Lee Tiang Keng
- Dato E.E.C Thuraisingam

Apakah persamaan tugas mereka dalam sistem tersebut?

T5 B5 ms 118 [P1 B5-B6]

- A Menasihati raja dalam pentadbiran
- B Mencadangkan undang-undang
- C Merangka sistem pendidikan
- D Memajukan kegiatan ekonomi

SPM 2010

- 29 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957. **T5 B5 ms 127 [JADUAL]**

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- A Pemisahan kuasa negeri dengan persekutuan
- B Pembentukan kerajaan bercorak republik
- C Pesuruhjaya Negeri dikekalkan
- D Pengaruh golongan kiri dihapuskan

- 31 Apakah perkara yang dipersetujui dalam rundingan berikut?
T5 B5 ms 120 [JADUAL]

| Tahun | Rundingan |
|-------|--|
| 1949 | Rundingan antara UMNO dengan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau <i>Communities Liaison Committee</i> (CLC) |

- A Pengehadan bilangan kaum imigran
- B Penyertaan Singapura dalam Persekutuan Malaysia
- C Penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- D Penubuhan Lembaga Kemajuan Industri Desa (RIDA)

- 32 Tokoh berikut memberi sumbangan dalam pentadbiran negara sebelum merdeka.

- Dato' Mahmud Mat
- Dato' E.E.C Thuraisingam
- Dr. Lee Tiang Keng

Apakah sumbangan mereka? **T5 ms 118 [JADUAL]**

- A Menganggotai Sistem Ahli
- B Menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya
- C Menganjurkan Konvensyen Kebangsaan
- D Menjadi Ahli Suruhanjaya Reid

SPM 2009

- 30 Jadual 3 menunjukkan keputusan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955. **T5 B5 ms 122 [P3 B4]**

| Parti | Bilangan kerusi yang dimenangi |
|-----------|--------------------------------|
| Perikatan | 51 |
| PAS | 1 |

Apakah manifesto Parti Perikatan sehingga membawa kepada kemenangan tersebut?

- A Peningkatan taraf kesihatan penduduk
 B Pengkalan sistem pentadbiran Barat
 C Peluang pekerjaan kepada rakyat
 D Perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu
- 31 Gambar 2 menunjukkan Tunku Abdul Rahman sedang diarak di Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956. **T5 B5 ms 124 [GAMBAR]**



Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada masyarakat Tanah Melayu?

- A Pengisytiharaan tarikh kemerdekaan
 B Kunjungan pemimpin negara
 C Kempen pilihan raya umum
 D Pembentukan Persekutuan Malaysia

SPM 2008

- 30 Mengapakah parti tersebut ditubuhkan? **T5 B5 ms 121 [P1 B2-B3]**

| Parti | Parti Kemerdekaan Malaya |
|-----------------|--------------------------|
| Pengasas | Dato' Onn bin Jaafar |
| Tahun Penubuhan | 1951 |

- A Menyekat pengaruh komunis
 B Mewujudkan perpaduan kaum
 C Mempertahankan hak peribumi
 D Mengurangkan pengaruh golongan radikal
- 31 Apakah kepentingan Sistem Ahli yang diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951? **T5 B5 ms 117 [P1 B1-B2]**

- A Mengukuhkan kuasa penjajah
 B Memelihara hak penduduk peribumi
 C Melatih pemimpin dalam pentadbiran
 D Memperakui kuasa pembesar tempatan

SPM 2007

Sistem Ahli – Januari 1951 hingga Jun 1955

- 30 Apakah kepentingan pembentukan sistem di atas?
T5 B5 ms 119 [P1 B1-B2 & B3]
- I Memperoleh kerakyatan yang sama
 - II Memulakan proses perpaduan
 - III Melatih berkerajaan sendiri
 - IV Mendapatkan sokongan pembesar
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV
- 31 Suruhanjaya Reid dibentuk di Tanah Melayu pada tahun 1956 sebagai persediaan kemerdekaan. **T5 B5 ms 125 [P3 B9]**
- Apakah tugas suruhanjaya tersebut?
- A Menganjurkan rundingan antara kaum
 - B Melantik pegawai pentadbiran baru
 - C Mencadangkan tarikh pilihan raya
 - D Merangka perlembagaan

SPM 2006 (TIADA SOALAN)**SPM 2005 (TIADA SOALAN)****SPM 2004**

- 29 Pemimpin Melayu Perikatan : Kami bersetuju menerima prinsip kerakyatan secara “ jus soli”

Kesan daripada persetujuan di atas dalam Pakatan Murni menyebabkan pemimpin bukan Melayu bersetuju menerima
T5 B5 ms 126 [P1 B1-B2] ms 127 [P1 B4]

- I agama Persekutuan
 - II undang-undang
 - III prinsip kehakiman negara
 - IV kedudukan raja-raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

TINGKATAN 5 BAB 6 : PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|--|--|
| 1. | Akta Malaysia | Hak Sabah kawal perkhidmatan awam – agama islam sebagai agama rasmi / akta yang memperuntukkan penggabungan negeri-negeri berkenaan |
| 2. | Cadangan Pembentukan Malaysia | Lord Brassey cadang gabungkan Sarawak dan Sabah / Sir Malcolm MacDonald cadang gabungkan Sarawak, Sabah, Singapura, Brunei dan PTM / Dato' Onn Ja'afar cadang PTM dinamai Malaysia / Lee Kuan Yew cadang gabungkan Singapura dengan PTM |
| 3. | Clandestine Communist Organization (CCO) | Bermatlamat jadikan Sarawak sebagai negara komunis |
| 4. | Dasar Konfrontasi | Satu tindakan politik dan ketenteraan oleh sesebuah negara terhadap negara lain |
| 5. | Datu Mustapha Datu Harun | Tentang pendudukan Jepun di Sabah / asaskan Parti Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang menyokong pembentukan Malaysia / Yang Dipertua Negeri Sabah / Ketua Menteri Sabah ketiga |
| 6. | Faktor-faktor Pembentukan Malaysia (Politik) | Lee Kuan Yew berminat gabung dengan Malaysia / bimbang pengaruh Barisan Sosialis yang melemahkan kepimpinan Lee Kuan Yew / gugat rancangan kemerdekaan / Barisan Sosialis dianggap gerakan berhaluan kiri / ancaman komunis / PTM ada pengalaman yang lama dalam membanteras pengaruh PKM / penyertaan Singapura, Sarawak, Sabah, ke dalam Malaysia dapat jadi benteng yang kukuh bagi hadapi ancaman komunis / penubuhan Malaysia akan cepatkan kemerdekaan / dapat nikmati pembangunan sosial, ekonomi, politik / proses dekolonisasi terhadap negeri yang kecil |
| 7. | Faktor-faktor Pembentukan Malaysia (Ekonomi) | Wujudkan pasaran yang luas / galakkan pelaburan |
| 8. | Faktor-faktor Pembentukan Malaysia (Sosial) | Imbangkan jumlah dan pertumbuhan kaum / cepatkan kemerdekaan / majukan negeri yang belum membangun |
| 9. | Gagasan Malaysia | Satu gabungan negeri-negeri dalam bentuk persekutuan yang dinamai Malaysia |
| 10. | Ganyang Malaysia | Lakukan serangan dari udara – serang kapal nelayan / dasar Indonesia untuk memusnahkan Pembentukan Malaysia |
| 11. | Hak istimewa Orang Melayu | Jawatan dalam perkhidmatan awam |
| 12. | Hak Wilayah Asingan | Wilayah yang ditadbir oleh pihak tertentu dengan kuasa pentadbiran dan kehakiman sendiri |
| 13. | Hari Malaysia | Hari pengisytiharan Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 |
| 14. | Imperialisme Baru | Penjajahan yang dijalankan oleh kuasa-kuasa besar Eropah dan Jepun sepanjang tahun 1800-an hingga awal tahun 1900-an |
| 15. | Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum (Donald Stephens) | Menjelaskan tentang gagasan Malaysia |
| 16. | Keistimewaan Sarawak dan Sabah apabila sertai Persekutuan Malaysia | Kawal hal ehwal imigresen |
| 17. | Lee Kuan Yew bimbang dengan kemenangan Parti Barisan Sosialis | Proses merdeka tergugat |
| 18. | Lee Kuan Yew nak gabungkan Singapura dengan Tanah Melayu | Lemahkan parti – berhaluan kiri |
| 19. | MAPHILINDO | Gabungan (Malaysia, Pilipina, Indonesia) / cari jalan penyelesaian krisis pembentukan Malaysia dengan bantuan PBB |

| | | |
|-----|--|--|
| 20. | Memorandum | Keputusan oleh kumpulan tertentu yang didokumenkan dan dihantar kepada pihak yang lebih berkuasa |
| 21. | Negeri sokong Gagasan Malaysia | Tamatkan ancaman komunis |
| 22. | Neokolonialisme | Satu bentuk penjajahan baru atau perluasan kuasa secara politik dan ekonomi terhadap negeri-negeri yang baru merdeka selepas Perang Dunia Kedua |
| 23. | Orang Moro | Penduduk Islam di selatan Filipina yang memperjuangkan pemerintahan sendiri |
| 24. | Parti Pakatan Brunei | Hasrat tubuhkan persekutuan Borneo |
| 25. | Parti Perikatan Di Sarawak | Memajukan kehidupan peribumi |
| 26. | Parti politik Sarawak menentang gabung dengan Tanah Melayu | Mahukan kemerdekaan terlebih dahulu |
| 27. | Parti Tindakan Rakyat | Dikenali sebagai PETIR / gunakan lambang PETIR / parti Lee Kuan Yew |
| 28. | Persekutuan Malaysia | British setuju kerana nak hapuskan pengaruh komunis |
| 29. | Reaksi terhadap Pembentukan Malaysia : Reaksi dalam negeri | Singapura ; menentang dan anggap pembentukan Malaysia merupakan penjajahan bentuk baru / tuntutan agar pandangan rakyat Singapura diperoleh terlebih dahulu / referendum berhubung persoalan dan syarat penggabungan diadakan / Sarawak, Sabah ; segera menolak / ramai yang ingin kekal di bawah pemerintahan British kerana mereka belum ada keyakinan membentuk pemerintahan sendiri / Sarawak; peringkat awal menentang kerana inginkan kemerdekaan terlebih dahulu / hanya SUPP terus menentang / gabungan parti yang membentuk Parti Perikatan Sarawak berjuang menyokong sertai Malaysia dan sekat pengaruh SUPP / pengumuman TAR tentang gagasan Malaysia telah lahirkan beberapa buah parti politik bagi kemukakan pandangan / kesemua parti di Sabah menyokong penyertaan Sabah ke dalam Malaysia / kemukakan tuntutan yang ada 20 syarat / Brunei ; Sultan Omar Ali Saifuddin sokong pada peringkat awal / bentuk suruhanjaya bagi tinjau pendapat rakyat Brunei / Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari menentang kerana matlamat mereka untuk menubuhkan Persekutuan Borneo, iaitu kerajaan Kalimantan Utara / anggap gagasan Malaysia sebagai satu bentuk neokolonialisme |
| 30. | Reaksi terhadap Pembentukan Malaysia : Reaksi negara luar | Indonesia ; bantah pembentukan Malaysia / berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk neokolonialisme yangancam Indonesia / pandangan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) mempengaruhi Presiden Soekarno untuk isytiharkan Dasar Konfrontasi / Dasar Konfrontasi dengan konsep Ganyang Malaysia / Menteri Luar Indonesia dihantar bagi memulihara hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia / Filipina ; kerajaan Filipina buat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah / SBUB serahkan pemerintahan kepada kerajaan British / pajakan diisytiharkan tamat oleh warisan Sultan Sulu / Filipina iktiraf penubuhan Malaysia / baiki hubungan antara kedua negara melalui MAPHILINDO |
| 31. | Referendum | Satu pungutan suara untuk mendapatkan pendirian tentang keputusan politik negara yang besar |
| 32. | SUPP risau Sarawak masuk Malaysia | Tanah melayu terlalu berkuasa |
| 33. | Suruhanjaya Cobbold | Tinjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak |

SPM 2018

- 33 Singapura menunjukkan minat untuk bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu sejak tahun 1950-an lagi.

Mengapakah Singapura berminat dengan penggabungan tersebut?

T5 B6 ms 139 [P3 B1-B4]

- A Memberi kerakyatan kepada orang dagang
- B Mengurangkan perasaan perkauman
- C Mempercepatkan proses kemerdekaan
- D Mempertahankan sistem monarki

- 34 Mengapakah tarikh pembentukan Malaysia ditunda dari 31 Ogos 1963 ke 16 September 1963? **T5 B6 ms 152 [P2 B1-B13]**

- A Sekatan ekonomi negara lain
- B Tentangan negara jiran
- C Serangan Tentera Nasional Kalimantan Utara
- D Halangan Pertubuhan Bangsa -Bangsa Bersatu

SPMU 2018

- 32 Maklumat berikut merujuk peristiwa yang berlaku di Indonesia.

| Tarikh | Peristiwa |
|----------------|--|
| September 1965 | Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno |

Apakah kesan peristiwa tersebut? **T5 B6 ms 147 [P3 B1-B8]**

- A Dasar Konfrontasi tamat
 - B Pengaruh komunis kukuh
 - C Pertumbuhan ekonomi terjejas
 - D Pemerintahan republik dibentuk
- 33 Lee Kuan Yew menggunakan alasan berikut untuk membawa masuk Singapura dalam Persekutuan Malaysia.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Mempercepat proses kemerdekaan • Melemahkan ancaman komunis |
|--|

Mengapakah Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965? **T5 B6**

- A Menghormati hak kaum imigran
- B Tidak mengiktiraf parti berhaluan kiri
- C Enggan mematuhi dasar kerajaan
- D Memohon naungan pihak British

SPM 2017

33 Mengapakah penduduk Sarawak dan Sabah menolak cadangan pembentukan Malaysia pada peringkat awal ? **T5 B6 ms 142 [P2 B5-B6]**

- A Menghormati keputusan pemerintah tempatan
- B Mempertahan kepentingan pembesar setempat
- C Mengelakkan ancaman tentera Filipina
- D Mengekalkan pentadbiran British

34 Apakah kesan peristiwa berikut ? **T5 B6 ms 147 [P3 B7-B8]**

| Tahun | Peristiwa |
|-------|---|
| 1965 | Jeneral Soeharto telah mengambil alih kuasa pemerintahan daripada Presiden Soekarno |

- A Perang Dingin merebak
- B Pakatan tentera dibentuk
- C Dasar konfrontasi berakhir
- D Sistem beraja dipulihkan

SPMU 2017

29 Pada tahun 1946, Sabah diserahkan kepada British oleh Syarikat Borneo Utara British. **T5 B6 ms 148 [P2 B1-B2]**

Apakah kesan penyerahan tersebut terhadap Sabah?

- A Pentadbiran tradisional kekal
- B Sistem feudal berakhir
- C Menjadi tanah jajahan
- D Berkerajaan sendiri

33 Mengapakah Indonesia melancarkan kempen Ganyang Malaysia pada tahun 1963? **T5 B6 ms 146 [P2 B7-B8]**

- A Menguji kekuatan senjata
- B Mempertahan wilayah asal
- C Desakan pemimpin komunis
- D Hasutan penjajah Belanda

34 Mengapakah pada peringkat awal penduduk Sabah dan Sarawak menolak cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia? **T5 B6 ms 142 [P2 B7]**

- A Kurang yakin untuk memerintah sendiri
- B Terpengaruh dengan fahaman komunis
- C Menyokong Persekutuan Borneo
- D Tentangan daripada Indonesia

SPM 2016

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh yang melancarkan pemberontakan di Brunei. **T5 B6 ms 145 [P2 B5-B6]**

| Tokoh | Tahun | Tindakan |
|--------------|-------|----------------------------------|
| A.M. Azahari | 1962 | Melancarkan Pemberontakan Brunei |

Mengapakah tokoh tersebut bertindak demikian ?

- A Menghalang penjajahan Barat
 B Mempertahan hak pemerintah
 C Menentang gagasan Malaysia
 D Menuntut kemerdekaan
- 33 Pembentukan Malaysia telah ditentang oleh Indonesia kerana menganggap Malaysia sebagai satu bentuk penjajahan baharu. **T5 B6 ms 146 [P2 B7]**

Siapakah dalang di sebalik anggapan tersebut?

- A Parti Komunis
 B Orientalis Barat
 C Golongan agama
 D Penjajah Belanda
- 34 Parti politik berikut menentang penyertaan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia pada peringkat awal. **T5 B6 ms 143 [P1 B14-B15]**

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sarawak Chinese Association • Parti Pesaka Anak Sarawak |
|--|

Mengapakah parti tersebut bertindak demikian?


- A Inginan pungutan suara dijalankan
 B Mahukan kemerdekaan terlebih dahulu
 C Menentang penguasaan ekonomi oleh orang asing
 D Bimbang hak istimewa penduduk tempatan terjejas

SPMU 2016

- 33 Brunei telah menarik diri daripada menyertai Persekutuan Malaysia. Apakah kesan sekiranya Brunei menyertai Malaysia?
T5 B6 ms 140 [P2 B1-B2 & B8]

- A Kerajaan Kalimantan Utara menjadi semakin kuat
 B Hubungan dengan Filipina dapat diperkukuh
 C Pengaruh golongan sosialis meningkat
 D Sumber ekonomi bertambah banyak

- 34 Rajah 3 menunjukkan idea awal wilayah yang akan membentuk Persekutuan Malaysia.




Mengapakah British menyokong wilayah dan negeri tersebut digabungkan dalam Persekutuan Malaysia? **T5 B6 ms 139 [P2 B6 & P2 B15-B16]**

- I Dapat menghalang kemasukan imigran
 - II Mampu membendung pengaruh komunis
 - III Berupaya memperkukuh sistem pertahanan
 - IV Boleh mengekalkan sistem pemerintahan beraja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2015

- 33 Rajah 4 adalah garis masa menunjukkan proses pembentukan Persekutuan Malaysia.



Rajah 4

Apakah X? **T5 B6 ms 150 [P5 B1]**

- A Majlis Perundangan Persekutuan
- B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Jawatankuasa Eksekutif
- D Suruhanjaya Reid

- 34 Mengapakah parti politik berikut menentang penyertaan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia pada peringkat awal? **T5 B6 ms 143 [P1 B14-B15]**

- Sarawak Chinese Association
- Parti Pesaka Anak Sarawak

- A Bimbang ancaman komunis
 B Tekanan daripada Indonesia
 C Ingin merdeka terlebih dahulu
 D Menyokong Persekutuan Borneo

SPMU 2015

- 33 Petikan berikut menerangkan tentang ancaman komunis di Asia Tenggara. **T5 B6 ms 139 [P2 B1-B2]**

Teori Domino berpengaruh dalam politik Asia Tenggara pada tahun-tahun 1960an. Menurut teori ini, komunis yang sudah bertapak di Indo-China akan menguasai negara-negara lain di Asia Tenggara.

Sumber : Sejarah Malaysia 1800-1963
 Mohd Isa Othman

Apakah tindakan pemimpin kita untuk mengelakkan ancaman tersebut?

- A Menubuhkan Majlis Gerakan Negara
 B Membentuk Persekutuan Malaysia
 C Menyekat kemasukan imigran
 D Meminda perlembagaan
- 34 Apakah peristiwa yang dapat dikaitkan dengan peribahasa berikut? **T5 B6 ms 147 [P3 B6]**

- Air dicincang takkan putus.
- Carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga.

- A Pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia
 B Pengukuhan hubungan Malaysia-Filipina
 C Pembentukan Parti Perikatan Sarawak
 D Penyertaan Brunei dalam Malaysia

SPM 2014

- 33 Mengapakah Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) bimbang penyertaan Sarawak dalam Malaysia? **T5 B6 ms 144 [JADUAL]**

- A Kerajaan British menentang
 B Ancaman komunis meningkat
 C Tanah Melayu terlalu berkuasa
 D Serangan tentera Kalimantan Utara

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan pengaruh golongan radikal di Singapura. **T5 B6 ms 139 [P1 B1-B3]**

| Tarikh | Peristiwa |
|------------|---|
| April 1961 | Barisan Sosialis telah memenangi pilihan raya Hong Lim di Singapura |

Bagaimanakah pemimpin Singapura mengatasi pengaruh golongan tersebut?

- A Menyarankan penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
- B Mencadangkan penggabungan Singapura dengan Tanah Melayu
- C Membentuk pakatan tentera dengan negara jiran
- D Menguatkuasakan undang-undang darurat

SPMU 2014


- 33 Pada 27 Mei 1961, Tuanku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mencadangkan pembentukan Malaysia di Singapura. **T5 B6 ms 138 [P2 B7 & P2 B8]**

Mengapakah beliau bertindak demikian?

- I Memperkasa sistem beraja
- II Memperkukuh politik negara
- III Memantapkan kerjasama ekonomi
- IV Mengimbangi pengaruh kuasa pembesar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 34 Rajah 3 adalah garis masa yang menunjukkan proses pembentukan Persekutuan Malaysia. **T5 B6 ms 149 [P2 B13-B14]**



Apakah X?

- A Penyerahan memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold
- B Pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan
- C Penambahbaikan Majlis Mesyuarat Negeri
- D Penubuhan Jawatankuasa Eksekutif

SPM 2013

- 32 Jadual 3 menerangkan tentang hubungan tegang antara Malaysia dengan Indonesia. **T5 B6 ms 146 [P3 B4 & B5]**

| | |
|-----------|---|
| Tarikh | 20 Januari 1963 |
| Peristiwa | Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia |
| Kempen | Ganyang Malaysia |

Jadual 3

Apakah tindakan Indonesia semasa peristiwa tersebut?

- I Menceroboh ruang udara
 - II Menghantar bantahan rasmi
 - III Melancarkan pemberontakan
 - IV Menyerang kapal-kapal nelayan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33 Jadual 4 berkaitan dengan perkembangan politik di Singapura. **T5 B6 ms 141 [P3 B4-B5]**

| Tahun | Peristiwa |
|-------|--|
| 1959 | Lee Kuan Yew mencadangkan supaya Singapura digabungkan dengan Tanah Melayu |

Jadual 4

Mengapakah Lee Kuan Yew membuat cadangan tersebut?

- A Mengawal kemasukan imigran
- B Melemahkan parti berhaluan kiri
- C Memperkukuh semangat setia kawan
- D Mengamalkan konsep pengagihan kuasa

SPM 2012

- 32 Mengapakah Parti Tindakan Rakyat bimbang kemenangan Barisan Sosialis dalam pilihanraya Hong Lim di Singapura pada tahun 1961? **T5 B6 ms 139 [P1 B7-B8 & P1 B4-B5]**

- I Menggugat proses kemerdekaan
 - II Memecahbelahkan perpaduan kaum
 - III Membantutkan perkembangan ekonomi
 - IV Melemahkan kepimpinan Lee Kuan Yew
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33 Apakah tujuan penubuhan Parti Perikatan di Sarawak pada tahun 1962?
T5 B6 ms 143 [P1 B19 & B20]
- A Membasmi ancaman komunis
B Menyokong gagasan Malaysia
C Menentang Persekutuan Borneo
D Memajukan kehidupan peribumi
- 34 Apakah peranan Suruhanjaya Cobbold dalam menjayakan pembentukan Malaysia?
T5 B6 ms 150 [P3 B1-B2]
- A Memujuk Singapura menyertai persekutuan
B Menggalakkan penubuhan Parti Perikatan
C Melaksanakan sistem Birokrasi Barat
D Meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak


SPM 2011

- 31 Jadual berikut berkaitan dengan keadaan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia pada peringkat awal penubuhan Malaysia.

| Tarikh | Peristiwa |
|-----------------|---|
| 20 Januari 1963 | Indonesia mengumumkan kempen Ganyang Malaysia |

Bagaimanakah kempen tersebut dilaksanakan? **T5 B6 ms 146 [P3 B5]**

- A Mempereratkan hubungan dengan Filipina
B Melakukan serangan dari udara
C Melawat ke negara Afro-Asia
D Menyokong parti pembangkang
- 32 Rajah berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia.
T5 B6 ms 139 [P2 B16]



Mengapakah negeri tersebut menyokong gagasan Malaysia?

- A Menamatkan ancaman komunis
B Memperkukuhkan amalan demokrasi
C Mengelakkan campur tangan asing
D Memenuhi desakan penduduk tempatan

SPM 2010

- 33 Pada bulan April 1961, Parti Barisan Sosialis telah memenangi pilihan raya Hong Lim, Singapura. **T5 B6 ms 139 [P1 B7-B8]**

Mengapakah kemenangan parti tersebut membimbangkan Lee Kuan Yew?

- A Kuasa British kukuh
- B Proses kemerdekaan tergugat
- C Kemajuan ekonomi tergendala
- D Perpaduan kaum terjejas

- 34 Idea Pembentukan Malaysia telah dikemukakan sejak awal abad ke-19. Mengapakah idea tersebut dipersetujui British **T5 B6 ms 140 [P1 B3]**

- A Mengurangkan kuasa Raja-Raja
- B Penyatuan pentadbiran tanah jajahan
- C Menghapuskan pengaruh komunis
- D Mengehadkan kemasukan imigran

SPM 2009

- 32 Jawatankuasa berikut ditubuhkan pada bulan Julai 1961.

| Jawatankuasa | Pengerusi |
|---|-----------------|
| Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum | Donald Stephens |

Apakah peranan jawatankuasa tersebut? **T5 B6 ms 149 [P2 B4-B5]**

- A Merangka perlembagaan negara
 - B Menetapkan tarikh pilihan raya umum
 - C Menjelaskan tentang Gagasan Malaysia
 - D Merintis kerjasama pelbagai parti politik
- 33 Apakah hak keistimewaan yang diperoleh Sarawak dan Sabah apabila menyertai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963?
T5 B6 ms 155 [P1 B11-B12]
- A Menentukan agama rasmi negara
 - B Mengawal hal ehwal imigrasi
 - C Menentukan dasar luar negeri
 - D Mengawal sumber kewangan negeri

35 Apakah perkara yang terkandung dalam Akta Malaysia yang diisytiharkan pada 26 Ogos 1963? **T5 B6 ms 155 [P1 B11-B12 & P1 B5]**

- I Hak Sabah mengawal perkhidmatan awam
- II Hal ehwal luar negeri tanggungjawab negeri
- III Pertahanan di bawah kawalan kerajaan negeri
- IV Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari telah melancarkan Pemberontakan Brunei untuk menentang Gagasan Malaysia.
T5 B6 ms 145 [P2 B6-B7]

Mengapakah pemberontakan tersebut dilancarkan?

- A Menjaga hak peribumi
- B Tekanan penjajah British
- C Mengawal sumber ekonomi
- D Berhasrat menubuhkan Persekutuan Borneo

SPM 2008

32 Jadual 3 menerangkan peristiwa penentangan Indonesia terhadap Gagasan Malaysia. **T5 B6 ms 146 [P2 B7-B8]**

| | |
|-----------|--|
| Tarikh | 20 Januari 1963 |
| Peristiwa | <i>Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia</i> |
| Kempen | <i>Ganyang Malaysia</i> |

Mengapakah Indonesia bertindak demikian?

- A Terpengaruh dengan dakyah komunis
- B Tidak dijemput untuk berunding
- C Terpedaya dengan penjajah Belanda
- D Tindakan perluasan wilayah terhalang

- 33 Maklumat berikut merujuk kepada penubuhan Parti Perikatan Sarawak.

| Tahun | Peristiwa |
|-------|---|
| 1962 | Parti PANAS, SNAP, BERJASA, SCA, dan PESAKA membentuk Parti Perikatan Sarawak |

Apakah kesan penubuhan parti tersebut? **T5 B6 ms 143 [P1 B19-20]**

- A Meneruskan sistem politik tradisional
- B Menamatkan pemerintahan Brooke
- C Merealisasikan pembentukan Malaysia
- D Menjayakan pengasasan Persekutuan Borneo

SPM 2007

- 32 Kemenangan Barisan Sosialis dalam pilihan raya Hong Lim pada bulan April 1961 membimbangkan kerajaan Singapura pimpinan Lee Kuan Yew.
T5 B6 ms 139 [P1 B7-B8]

Mengapakah kerajaan Singapura bimbang dengan kemenangan itu?

- A Melambatkan penyertaan dalam Malaysia
- B Memecahbelahkan perpaduan rakyat
- C Menggugat rancangan kemerdekaan
- D Mengukuhkan kedudukan British

| Tahun | Parti |
|-------|-------------------------|
| 1961 | Parti Perikatan Sabah |
| 1962 | Parti Perikatan Sarawak |

- 33 Apakah persamaan perjuangan parti politik di atas?
T5 B6 ms 143 [P1 B19-B20 & P3 B9-B10]

- A Menyekat pangaruh komunis
- B Mengembalikan kuasa rakyat
- C Menuntut kemerdekaan negeri
- D Menyokong gagasan Malaysia

SPM 2006 (TIADA SOALAN)

SPM 2005 (TIADA SOALAN)

SPM 2004

| | |
|--------|---|
| Tokoh | Tunku Abdul Rahman |
| Tarikh | 27 Mei 1961 |
| Idea | Penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei |

30 Mengapakah tokoh di atas mengemukakan idea penggabungan tersebut ?
T5 B6 ms 138 [P2 B8 & P2 B10]

- I Mengembangkan ekonomi
 - II Menamatkan penjajahan British
 - III Menyediakan kemudahan sosial
 - IV Mengukuhkan institusi kesultanan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

**TINGKATAN 5 BAB 7 :
SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA**

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|--|--|
| 1. | Akta | Undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh parlimen |
| 2. | Badan Berkanun | Badan separuh kerajaan / ada kuasa autonomi tertentu / peruntukan kewangan sendiri / cecutkan pentadbiran dan pembangunan / Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) / Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) / Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) |
| 3. | Calon pilihan raya | Warganegara Malaysia / berumur 21 tahun / bermastautin di Malaysia / sempurna akal / tidak muflis / tidak pegang jawatan dalam perkhidmatan awam / tiada kesalahan jenayah |
| 4. | Demokrasi | Sistem yang memberikan kebebasan kepada rakyat untuk memilih wakil mereka dan kerajaan melalui pilihan raya |
| 5. | Enakmen | Undang-undang yang dibuat oleh Dewan Undangan Negeri |
| 6. | EXCO | Anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) yang menjadi pengerusi bagi jawatan kuasa pentadbiran yang dibentuk oleh DUN |
| 7. | Fungsi Badan Kehakiman | Ada kuasa mendengar dan tentukan perkara sivil dan jenayah / tentukan kesahihan undang-undang / tafsir Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri |
| 8. | Fungsi Badan Pelaksana | Jemaah Menteri atau Kabinet merupakan badan pelaksana dasar-dasar kerajaan / Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri ketua beberapa kementerian / setiap kementerian gubal dasar-dasar kerajaan / rancang dan selaras program pembangunan ekonomi dan sosial |
| 9. | Fungsi Badan Perundangan | Gubal undang-undang / jamin keadilan dan kesejahteraan rakyat |
| 10. | Hakim | Dilantik YDPA / tidak boleh dipecat sewenang-wenangnya / tidak boleh ambil bahagian dalam politik / elak pengaruh politik / jamin keadilan |
| 11. | Jata negara | Kukuhkan perpaduan rakyat / lahirkan rakyat bersemangat waja |
| 12. | Keahlian Dewan Negara | 26 orang ahli / dipilih daripada 13 buah negeri / dua orang ahli dilantik YDPA mewakili Wilayah Persekutuan KL dan Wilayah Persekutuan Labuan |
| 13. | Keahlian Dewan Rakyat | Ahli dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umu / ada 219 orang ahli / tempoh jawatan selama lima tahun / gubal undang-undang |
| 14. | Keluhuran perlembagaan | Keagungan dan ketertinggian undang-undang atau perlembagaan itu sendiri / atasi YDPA, Parlimen, Jemaah Menteri, Mahkamah |
| 15. | Kepentingan Perlembagaan | Jamin kestabilan negara / jamin taat setia rakyat / jamin hak asasi dan kebebasan rakyat / pelihara hak istimewa orang Melayu / jamin kerjasama, kesepakatan, keadilan dan kepentingan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri |
| 16. | Kerajaan Persekutuan | Hal ehwal negeri / kewangan / pelajaran / kesihatan |
| 17. | Ketertinggian Perlembagaan Malaysia | Dilihat pada peruntukan kuasa parlimen / kedudukan Yang di-Pertuan Agong / YDPA tertakluk kepada perlembagaan Malaysia |
| 18. | Lambang bulan sabit | Islam agama rasmi |
| 19. | Majlis Raja-Raja Melayu | Bebas daripada badan perundangan persekutuan dan negeri serta badan eksekutif kerajaan |
| 20. | Ordinan | Undang-undang yang dibuat oleh Dewan undangan negeri Sabah dan Sarawak / Perintah, peraturan statut dan sebagainya oleh sesuatu pihak berkuasa, undang-undang |
| 21. | Peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) | Tentukan sempadan bagi pilihan raya / jalankan pendaftaran pemilih / kendalikan pilihan raya / jamin pilihanraya bebas dan adil / bebas |

| | | |
|-----|---|--|
| | | dari tekanan parti politik |
| 22. | Perlembagaan | Undang-undang yang tertinggi dalam pembentukan sesebuah kerajaan / dijadikan dokumen rasmi / terkandung segala peraturan / panduan kepada kerajaan untuk laksanakan kuasa dan tadbir negara |
| 23. | Perlembagaan Malaysia dipinda banyak kali | Untuk pastikan kelancaran pentadbiran / sesuai dengan situasi semasa |
| 24. | Pilihan raya kecil | Berlaku kekosongan kerusi parlimen atau Dewan Undangan Negeri / diadakan dalam tempoh 60 hari / kematian / peletakan dan pelucutan jawatan/ muflis |
| 25. | Pilihan raya umum | Memilih ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri secara serentak di Semenanjung Malaysia / Sarawak dan Sabah diadakan secara berasingan |
| 26. | Proses pilihan raya | Proses memilih wakil rakyat / dilakukan secara sulit / pengiraan undi dibuat secara terbuka / calon mendapat undi terbanyak dikira menang / ciri penting sistem demokrasi berparlimen di Malaysia / dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) |
| 27. | Senarai Bersama | Turunkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri / biasiswa / hiburan awam / perhubungan |
| 28. | Senarai Negeri | Perkara-perkara pentadbiran yang diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri / tanah / hari cuti negeri / undang-undang negeri |
| 29. | Senarai Persekutuan | Perkara-perkara pentadbiran yang diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan di Kuala Lumpur / kesihatan / pelajaran / keselamatan dalam negeri |
| 30. | Sistem Raja Berperlembagaan | Sistem pemerintahan yang mengekalkan Raja sebagai pemerintah tertinggi negara dan negeri / dibantu Perdana Menteri |
| 31. | Sistem Republik | Sistem ini menolak institusi beraja / diketuai Presiden / Amerika Syarikat / Filipina / Indonesia |
| 32. | Syarat jadi pengundi | Mendaftar dalam Senarai Daftar Pemilih / umur 21 tahun / bermastautin atau tidak / tinggal dalam kawasan pilihan raya / boleh mengundi dalam sebuah kawasan pilihan raya sahaja / boleh undi pos bagi anggota keselamatan / pelajar luar negara |
| 33. | Tiga unsur parlimen | Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara, Dewan Rakyat |
| 34. | Yang di-Pertuan Agong (YDPA) | Tonggak negara / simbol keutuhan perpaduan rakyat / melantik Perdana Menteri / isytiharkan darurat / jaga hak istimewa orang Melayu / ketua agama Islam |

SPM 2018

35 Sejak merdeka, Malaysia telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan sistem tersebut?
T5 B7 ms 161 [P2 B4-B6]

- A Perlembagaan ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong
- B Badan Kehakiman menggubal undang- undang
- C Pentadbiran dikuasai monarki berkuasa mutlak
- D Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara

36 Pilihan raya di Malaysia dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Apakah fungsi SPR? **T5 B7 ms 177 [P2 B6-B9]**

- I Memilih calon
 - II Menetapkan parti
 - III Menetapkan sempadan
 - IV Mendaftar pemilih
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPMU 2018

34 Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dapat melaksanakan pilihan raya yang bebas dan adil di negara kita, Malaysia?
T5 B7 ms 177 [P2 B4-B6]

- A Tidak memihak kepada mana-mana parti politik
- B membenarkan calon mengemukakan sebarang isu
- C Melantik pegawai pengurus pilihan raya luar negara
- D Tidak membenarkan wakil parti politik memantau pilihan raya


35 Perlembagaan Malaysia merupakan peraturan tertinggi negara kita.

Apakah kepentingan perlembagaan tersebut terhadap warganegara Malaysia?
T5 B7 ms 163 [P4 B3-B5]

- I Menjamin keselamatan rakyat
 - II Melicinkan pentadbiran kerajaan
 - III Mengawal pertumbuhan penduduk
 - IV Memberi kebebasan memilih kerakyatan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2017

- 35 Rajah 4 berkaitan dengan Badan Berkanun di Malaysia.
T5 B7 ms 174 [P4 B3-B4]



Rajah 4

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan badan berkanun tersebut ?

- I Memiliki kuasa autonomi dalam bidang tertentu
 II Mempunyai peruntukan kewangan sendiri
 III Diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara
 IV Memiliki bilik gerakan di setiap negeri
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 36 Dialog berikut mungkin berlaku ketika penyerahan borang penamaan calon bagi pilihanraya kecil. T5 B7 ms 179 [P1 B6-B7]

| | | |
|----------------------|---|--|
| Pegawai Pilihan Raya | : | Maaf, saya terpaksa menolak borang permohonan encik. |
| Calon | : | Kenapa pula ? |

- A Tidak menganggotai parti politik
 B Belum mendaftar sebagai pemilih
 C Menjalankan kegiatan perniagaan
 D Tersenarai dalam individu muflis

SPMU 2017

- 35 Masalah berikut dihadapi oleh seorang rakyat Malaysia.
T5 B7 ms 179 [P1 B4-B9]

- Disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh mahkamah
- Diisytiharkan muflis

Masalah tersebut menyebabkan beliau kehilangan hak


- A menganggotai parti politik
 B membuang undi
 C menjalankan kempen
 D menjadi calon pilihan raya

- 36 Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dapat melaksanakan pilihan raya yang bebas dan adil di Malaysia? **T5 B7 ms 177 [P2 B5-B6]**
- A Tidak membenarkan wakil parti politik memantau pilihan raya
 - B Tidak memihak kepada mana-mana parti politik
 - C Membenarkan calon mengemukakan sebarang isu
 - D Menyalurkan bantuan kewangan kepada parti yang bertanding

SPM 2016

- 35 Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan hak Yang di-Pertuan Agong berdasarkan sistem tersebut? **T5 B7 ms 167 [P2 B2 & P2 B5]**
- I Bertindak atas nasihat Perdana Menteri
 - II Boleh menggunakan kuasa budi bicara
 - III Berkuasa penuh dalam hal kewangan negara
 - IV Berhak membatalkan sesuatu undang-undang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 36 Rajah 1 berkaitan dengan sistem pemerintahan dalam Persekutuan Malaysia.



Berdasarkan sistem tersebut, Malaysia mengamalkan **T5 B7 ms 171 [P1 B2]**

- A pemerintahan beraja berkuasa mutlak
- B konsep pengasingan kuasa
- C prinsip negara kesatuan
- D dasar pintu terbuka

SPMU 2016

- 35 Apakah bidang kuasa Badan Kehakiman dalam Perlembagaan Persekutuan? **T5 B7 ms 174 [P6 B5] ms 175 [P1 B6-B7]**
- I Melantik Jemaah Menteri
 - II Menentukan kesahihan undang-undang
 - III Membatalkan akta yang bercanggah dengan perlembagaan
 - IV Menentukan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

36 Pernyataan berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di Malaysia.

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan negara sejak merdeka terbukti berkesan mewujudkan kestabilan dan memakmuran kepada negara.

Sumber : Bernama, 30 Januari 2013

Bagaimanakah sistem tersebut dapat mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara? **T5 B7 ms 161 [P2 B5] ms 162 [P1 B1-B2]**

- I Rakyat berpeluang membentuk kerajaan
 - II Pandangan rakyat biasa diambil kira
 - III Hak rakyat untuk bersuara disekat
 - IV Kebebasan mutlak rakyat terjamin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2015

35 Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya bertindak memastikan pilihan raya yang diadakan di Malaysia adil dan telus? **T5 B7 ms 179 [P4 B1-B2]**

- A Menyediakan jadual awal berkempen bagi calon
- B Menetapkan manifesto parti politik yang bertanding
- C Membenarkan pengundi berdaftar sahaja layak mengundi
- D Melarang pemerhati dari luar negara memantau pengundian

36 Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya di Malaysia.

| Tarikh | Peristiwa |
|-----------------|--|
| 16 Januari 2007 | Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan tarikh mengundi bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam, Raub, Pahang |

Mengapakah pilihan raya kecil tersebut diadakan? **T5 B7 ms 178 [P1 B4]**

- A Pembubaran rasmi parlimen
- B Wakil rakyat meninggal dunia
- C Persempadanan semula kawasan
- D Pertambahan bilangan penduduk

SPMU 2015

- 35 Apakah maksud lambang bulan sabit berwarna kuning dalam Jata Negara kita? **T5 B7 ms 188 [GAMBAR RAJAH]**
- A Kedaulatan raja
 - B Perpaduan kaum
 - C Islam agama rasmi
 - D Hak istimewa Melayu
- 36 Muthu adalah warganegara Malaysia yang ingin mengundi dalam pilihan raya umum ke-14.
Apakah syarat yang perlu Muthu penuhi? T5 B7 ms 179 [P1 B6 & P4 B2]
- I Tidak muflis
 - II Berumur 21 tahun
 - III Mendaftar sebagai pemilih
 - IV Menjadi ahli dalam parti politik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2014


- 35 Pernyataan berikut berkaitan dengan perkara 153 dalam Perlembagaan Malaysia.

| |
|--|
| Peranan Yang di-Pertuan Agong dalam menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. |
|--|

- Apakah hak istimewa orang Melayu dan bumiputera yang dimaksudkan dalam pernyataan tersebut? **T5 B7 ms 164 [P4 B5-B6]**
- A Menjadi ahli Dewan Rakyat
 - B Penerimaan pangkat kebesaran
 - C Jawatan dalam perkhidmatan awam
 - D Kebebasan menganuti mana-mana agama
- 36 Seorang pegawai tertinggi angkatan tentera telah dijatuhkan hukuman. Siapakah yang berkuasa memberi pengampunan kepada pegawai tersebut? **T5 B7 ms 168 [JADUAL]**
- A Perdana Menteri
 - B Menteri Pertahanan
 - C Mahkamah Persekutuan
 - D Yang di-Pertuan Agong

SPMU 2014

- 35 Apakah syarat yang melayakkan warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun mengundi dalam pilihan raya? **T5 B7 ms 179 [P4 B2]**
- A Menjadi ahli parti politik
B Berdaftar sebagai pemilih
C Menjawat jawatan kerajaan
D Bebas daripada tindakan mahkamah
- 36 Gambar 4 menunjukkan Jata Negara kita Malaysia.
T5 B7 ms 188 [GAMBAR RAJAH]



Mengapakah jata tersebut penting kepada negara dan bangsa Malaysia?

- I Memperkukuh perpaduan rakyat
II Melahirkan rakyat bersemangat waja
III Mempertahan semangat kenegerian
IV Melambangkan kemajuan ekonomi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2013


- 34 Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia? **T5 B7 ms 168 [JADUAL]**
- A Membubarkan Parlimen
B Menggubal undang-undang
C Memilih ahli Dewan Rakyat
D Menetapkan tarikh pilihan raya
- 35 Apakah syarat untuk menjadi Ahli Dewan Negara dalam sistem pemerintahan di Malaysia? **T5 B7 ms 172 [P3 B3-B4]**
- A Menang dalam pilihan raya
B Aktif dalam pertubuhan politik
C Berumur sekurang-kurangnya 21 tahun
D Cemerlang dalam perkhidmatan awam

SPM 2012

35 Antara yang berikut, yang manakah lambang negara Malaysia?
T5 B7 ms 187 [P3 B4 -B5]

- I Wau
 - II Keris
 - III Jata Negara
 - IV Lagu Kebangsaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

36 Gambar 3 adalah bendera Jalur Gemilang yang menjadi kebanggaan bangsa dan rakyat Malaysia.



Gambar 3

Rakyat Malaysia mesti berbangga dengan bendera tersebut kerana ia adalah lambang **T5 B7 ms 190 [P3 B6]**

- A Keagungan
- B Kegigihan
- C Kemajuan
- D Kedaulatan

SPM 2011

33 Pilihan raya kecil diadakan di mana-mana kawasan di negara kita sekiranya wakil rakyat **T5 B7 ms 178 [P1 B4]**

- A Meninggal dunia
- B Dipecat dari parti
- C Menyertai parti lain
- D Hilang sokongan

34 Jadual berikut menerangkan jenis undang-undang yang terdapat di negara kita.

| Jenis undang-undang | Keterangan |
|---------------------|---|
| Enakmen | Dibuat oleh Dewan Undangan Negeri |
| X | Dibuat oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak |

Apakah X? **T5 B7 ms 172 [P5 B7]**

- A Kanun
- B Piagam
- C Ordinan
- D Akta

35 Seorang rakyat Malaysia menghadapi masalah berikut.


- Disabit dengan kesalahan jenayah oleh mahkamah
- Diisytiharkan muflis

Dalam sistem pilihan raya di Malaysia, individu terbabit dengan masalah di atas tidak berhak **T5 B7 ms 179 [P1 B3-B9]**

- A Menganggotai parti politik
 B Membuang undi
 C Menyediakan manifesto
 D Menjadi calon pilihan raya

SPM 2010


35 Rajah berikut menerangkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.
T5 B7 ms 185 [JADUAL]



Apakah X?

- A Pelajaran
 B Perhutanan
 C Hiburan awam
 D Perancangan Bandar

36 Rajah berikut menunjukkan komponen Parlimen negara kita.



Apakah X ? **T5 B7 ms 172 [P1 B7]**

- A Yang di-Pertuan Agong
 B Yang Dipertuan Negeri
 C Majlis Raja-Raja
 D Jemaah Menteri

- 37 Jadual berikut menerangkan sistem pemerintahan dua buah negara di Asia Tenggara.

| Negara | Sistem Pemerintahan |
|-----------|-----------------------|
| Malaysia | Demokrasi Berparlimen |
| Indonesia | Republik |

Apakah persamaan sistem pemerintahan tersebut?
T5 B7 ms 162 [P1 B2-B3]

- A Pilihan raya diadakan untuk memilih pemimpin
- B Pentadbiran dijalankan oleh golongan bangsawan
- C Perdana Menteri berkuasa membubarkan parlimen
- D Dewan Perhimpunan bersidang setiap tiga bulan

SPM 2009

- 34 Sejak tahun 1957, Perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali. Mengapakah perlembagaan tersebut dipinda? **T5 B7 ms 165 [P2 B4]**
- A Perubahan ekonomi semasa
 - B Mengelak tekanan pihak luar
 - C Memastikan kelancaran pentadbiran
 - D Mematuhi perintah Majlis Raja-Raja

SPM 2008

- 34 Encik Abu telah diisytiharkan muflis oleh mahkamah. **T5 B7 ms 179 [P1 B4]**
 Mengikut sistem pilihan raya di Malaysia, beliau tidak layak untuk
- A Menjadi calon pilihan raya
 - B Menyertai parti politik
 - C Mendaftar sebagai pengundi
 - D Menjalankan kempen pilihan raya
- 35 Apakah syarat pindaan perlembagaan yang berkaitan dengan kedudukan istimewa orang Melayu? **T5 B7 ms 166 [JADUAL]**
- A Persetujuan lebih suara Dewan Parlimen
 - B Persetujuan lebih suara 2/3 Dewan Parlimen
 - C Persetujuan majoriti lebih 2/3 Dewan Parlimen dan Persetujuan Majlis Raja-Raja
 - D Persetujuan majoriti lebih 2/3 Dewan Parlimen dan kelulusan yang Dipertua Negeri Sabah dan Sarawak

SPM 2007

PUTRAJAYA – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan Selasa, 16 Januari 2007 sebagai tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam, Raub, Pahang, manakala pengundian pada Ahad, 28 Januari 2007.
Sumber : *Berita Harian*, 6 Januari 2007

34 Jika seseorang berminat untuk bertanding dalam pilihan raya di atas, apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi? **T5 B7 ms 179 [P1 B6-B7 & P1 B5-B6]**

- I Bebas daripada kemuflian
- II Memegang jawatan dalam kerajaan
- III Menjadi ahli dalam sebuah parti politik
- IV Berumur tidak kurang daripada 21 tahun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Perlembagaan Malaysia menetapkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong. Antara yang berikut, yang manakah bidang kuasa baginda?
T5 B7 ms 168 [JADUAL]

- I Membubarkan Parlimen
- II Mengisytiharkan darurat
- III Mengetuai Kerajaan Persekutuan
- IV Mempengerusikan perkhidmatan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2006

33 Mengapakah Jata Negara penting kepada warganegara Malaysia?
T5 B7 ms 188 [GAMBAR RAJAH]

- I Memupuk perpaduan
- II Menerapkan semangat individualisme
- III Mengukuhkan kedaulatan sultan
- IV Menanam semangat patriotisme

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2005

33 Apakah peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)?
T5 B7 ms 177 [P2 B8-B9]

- I Menetapkan manifesto parti
 - II Mengendalikan kempen calon
 - III Menguruskan pendaftaran pengundi
 - IV Memastikan pengundian berjalan lancar
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2004

31

Dari Seremban ke Felda Palong,
Singgah sebentar di Gerai Asia,
Bersatu hati, tolong-menolong,
Aman makmur rakyat Malaysia.

Berdasarkan pantun di atas, apakah unsur yang boleh dikaitkan dengan Perlembagaan Malaysia? **T5 B7 ms 163 [P4 B1-B2]**

- I Kestabilan politik
 - II Perpaduan rakyat
 - III Kebebasan bercakap
 - IV Pembentukan kerajaan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32

Unsur taat setia kepada negara termaktub dalam
Perkara 24 Perlembagaan Malaysia.

Berdasarkan maklumat di atas, apakah perkara yang membolehkan kerakyatan seseorang dilucutkan? **T5 B7 ms 164 [P2 B5]**

- A Melanggar undang-undang
- B Bermastautin di negara lain
- C Tidak mentaati Rukun Negara
- D Mempunyai kerakyatan negara lain

TINGKATAN 5 BAB 8 : PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|---------------------------------------|--|
| 1. | 9 cabaran Wawasan 2020 | 1. Membina masyarakat yang bersatu padu / 2. Membina masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan / 3. Membina masyarakat yang demokratik / 4. Membina masyarakat yang bermoral dan beretika / 5. Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi / 6. Membina masyarakat yang maju dan saintifik / 7. Membina masyarakat yang penyayang / 8. Membina masyarakat yang adil dan saksama / 9. Membina masyarakat yang makmur |
| 2. | Akta Bahasa Kebangsaan | Tubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka / Minggu Bahasa / Bulan Bahasa / Slogan Bahasa Jiwa Bangsa / tubuhkan Sekolah Alam Shah / tubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia / gunakan di mahkamah / bahasa pengantar di sekolah |
| 3. | Bahasa Pengantar | Bahasa utama yang digunakan untuk menyampaikan mata pelajaran di sekolah |
| 4. | Buku Merah | Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan |
| 5. | Dasar Ekonomi Baru (DEB) | Basmi kemiskinan / susun semula masyarakat tanpa kira kaum |
| 6. | Dasar penswastaaan | Mengurangkan beban kewangan kerajaan / tingkatkan kemajuan ekonomi / tingkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan / cecutkan pembangunan ekonomi negara |
| 7. | Dasar Pertanian Negara (DPN) | Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah |
| 8. | Ekuiti | Pegangan atau pemilikan saham |
| 9. | FELDA | Tingkat taraf hidup masyarakat luar bandar / tingkatkan pertanian / pembukaan tanah baru / petempatan baru / beri kemudahan asas |
| 10. | Fungsi Ekonomi | Peranan seseorang individu atau kaum dalam aktiviti ekonomi negara lazimnya dalam bentuk pekerjaan seperti petani, buruh, penjaga dan pelombong |
| 11. | HICOM | Kenalpasti, mulakan dan uruskan projek industri berat |
| 12. | Industri Desa | Kegiatan perindustrian berasaskan sumber yang ada di desa atau kampung |
| 13. | Jawatankuasa Kabinet 1974 | Kaji pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan / nilai sejauh mana pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan sumber tenaga manusia |
| 14. | Kajian Aminuddin Baki | Persekolahan aneka jurusan / menampung pelajar gagal akademik / / kursus kemahiran / tenaga kerja mahir / pasaran kerja / kursus perdagangan, sains pertanian / mata pelajaran wajib diajar |
| 15. | Kredit | Kemudahan pinjaman |
| 16. | Laporan Barnes 1950 | Cadangkan semua sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil dibubarkan dan digantikan dengan sekolah kebangsaan / guna BM sebagai bahasa pengantar / ditentang masyarakat Cina |
| 17. | Laporan Fenn-Wu 1951 | Cadang kekalkan sekolah vernakular Cina / setuju dengan sistem pendidikan kebangsaan |
| 18. | Laporan Rahman Talib | BM dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah / pelajaran agama Islam diajar di semua sekolah bantuan |
| 19. | Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN) | Stabilkan harga padi |
| 20. | Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) | Tingkatkan taraf hidup nelayan |

| | | |
|-----|---|---|
| 21. | Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) | Bantu petani dalam kegiatan koperasi |
| 22. | Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) | Ditubuhkan selepas peristiwa 13 Mei / berperanan kembalikan keamanan / melicinkan pentadbiran / kembalikan keharmonian kaum / berlangsung selama 21 bulan |
| 23. | MARA | Bantu bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian / tambah guna bumiputera / tingkatkan kualiti bumiputera / sediakan kemudahan asas |
| 24. | Ordinan Pelajaran 1952 | Cadang guna dua bahasa pengantar iaitu BM, BI / BM diwajibkan di sekolah Inggeris, BI diwajibkan di sekolah Melayu |
| 25. | Pendaftaran Paten | Pendaftaran terhadap penciptaan yang dihasilkan oleh seseorang bagi mewujudkan hak cipta terpelihara dan bagi menikmati hasil daripada penciptaan tersebut |
| 26. | Penyata Razak 1956 | Penubuhan sekolah umum (rendah) yang guna BM sebagai bahasa penghantar / sekolah jenis umum (rendah) guna BI, Cina dan Tamil sebagai bahasa penghantar/ BM dan BI wajib diajar di semua sekolah |
| 27. | Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri | Galakkan perindustrian dan perdagangan |
| 28. | Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) | Bangunkan bandar |
| 29. | Peristiwa 13 Mei 1969 | Peristiwa rusuhan kaum akibat jurang perbezaan sosioekonomi masyarakat pelbagai kaum |
| 30. | PETRONAS | Majukan sektor perindustrian petroleum / cari gali minyak |
| 31. | Prinsip Utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan | Kebudayaan rakyat asal Melayu sebagai tunjang / unsur kebudayaan lain wajar diterima / Islam sebagai unsur yang penting |
| 32. | Program Pembangunan in-situ | Memulihkan kawasan produktiviti rendah |
| 33. | Rancangan Malaya Kedua | Memperkenalkan Buku Merah |
| 34. | Rancangan Malaya Ketiga | Wujudnya KEJORA, KETENGAH, DARA |
| 35. | Rancangan Malaya Pertama | Membangunkan kawasan luar bandar / kurang kadar kemiskinan / pelbagaikan kegiatan ekonomi / sumber pendapatan |
| 36. | Rancangan Malaya Pertama kurang berkesan | Ancaman komunis / Zaman Darurat / perbelanjaan negara dialihkan kepada keselamatan / kejatuhan harga getah dan bijih timah |
| 37. | RIDA / MARA / Bank Bumiputera | Penglibatan bumiputera dalam sektor perusahaan |
| 38. | RISDA | Bantu pekebun kecil getah / penanaman semula getah |
| 39. | Rukun Negara | Kukuhkan perpaduan rakyat / masyarakat adil / progresif |
| 40. | Sekolah Bantuan Penuh | Sekolah yang mendapat bantuan kewangan sepenuhnya daripada kerajaan |
| 41. | Sekolah Jenis Kebangsaan | Sekolah yang menggunakan bahasa Tamil, Cina dan Inggeris sebagai bahasa pengantar seperti yang terkandung dalam Laporan Rahman Talib 1960 |
| 42. | Sekolah Jenis Umum | Sekolah guna bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar seperti yang terkandung dalam Penyata Razak 1956 |
| 43. | Sekolah Kebangsaan | Sekolah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti yang terkandung dalam Laporan Rahman Talib 1960 |
| 44. | Sekolah Umum | Sekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti yang terkandung dalam Penyata Razak 1956 |
| 45. | Sekolah Vernakular | Sekolah yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar |
| 46. | SUKMA | Mengeratkan perpaduan antara kaum dan hubungan antara negeri / galak aktiviti sukan / peluang bersukan kepada semua kaum |
| 47. | Unit Perancangan Ekonomi (UPE) | Sebagai jawatankuasa penswastaan / beri garis panduan kepada sebuah kementerian untuk jalankan penswastaan |
| 48. | Wawasan 2020 | Gagasan negara menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020 / mengikut acuan sendiri / negara industri maju |

SPM 2018

37 Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970? **T5 B8 ms 197 [P1 B6-B8] & ms 201 [P1 B5]**

- I Membasmi kemiskinan
 - II Menyusun semula masyarakat
 - III Menyeragamkan sistem kewangan
 - IV Menyekat kemasukan imigran
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

38 Apakah matlamat penubuhan agensi berikut ?
T5 B8 ms 198 [P3 B6-B7] [P4 B2-B3] ms 200 [P3 B22]

- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

- A Memacu pertumbuhan sektor perindustrian baharu
- B Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
- C Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- D Menggiatkan peranan sektor swasta

SPMU 2018

36 Pernyataan berikut berkaitan dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan pada tahun 1971. **T5 B8 ms 222 [P3 B5-B10]**

Membina perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat

Bagaimanakah matlamat tersebut boleh dicapai?

- A Memiliknegerakan industri
- B Mengurangkan hak milik asing
- C Kekayaan negara dikongsi bersama
- D Sistem kewangan disusun semula


- 37 Agensi berikut telah diswastakan oleh kerajaan melalui Dasar Penswastaan.
T5 B8 ms 207 [P3 B7-B12]

- Jabatan Pos (Pos Malaysia Berhad)
- Lembaga Lektrik Negara (Tenaga Nasional Berhad)

- I Memajukan industri kecil
 II Mengurangkan beban kewangan
 III Meningkatkan kualiti perkhidmatan
 IV Menggalakkan kemasukan modal asing
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SPM 2017

- 37 Rajah 5 menerangkan matlamat Rancangan Malaya Pertama.
T5 B8 ms 199 [P3 B1-B2]



Rajah 5

Mengapakah rancangan tersebut gagal dicapai ?

- A Bahan mentah terhad
 B Ancaman komunis
 C Kelemahan pentadbiran
 D Kekurangan kemudahan asas
- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan teras kemajuan bersepadu yang dihasratkan oleh kerajaan menjelang tahun 2020. **T5 B8 ms 219 [P1 B5-B7]**

- Perpaduan rakyat
- Kestabilan politik
- Ketinggian maruah bangsa
- Kekukuhan nilai moral dan etika

Mengapakah perkara tersebut dijadikan teras ?

- A Mencapai kemajuan mengikut acuan sendiri
 B Membentuk kemajuan mengikut pengaruh luar
 C Mencapai kemajuan berasaskan aspek fizikal
 D Membina kemajuan berasaskan kerohanian

SPMU 2017

- 37 Pada tahun 1958, Pak Abu ingin mengusahakan tanaman pisang dan nangka seluas 20 hektar tetapi menghadapi masalah kekurangan modal.
T5 B8 ms 198 [P3 B8]

Apakah agensi yang dapat membantu Pak Abu mengatasi masalah tersebut?

- A Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
 - B Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
 - C Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
 - D Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)
- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat kerajaan.

Mengurangkan beban kewangan kerajaan

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai? **T5 B8 ms 207 [P3 B6-B7]**

- A Menambah pelaburan saham amanah
- B Meningkatkan produktiviti negara
- C Mengembangkan sektor pertanian
- D Memacu peranan sektor swasta

SPM 2016

- 37 Gambar 2 menunjukkan temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang diadakan dua tahun sekali.



Gambar 2

Sumber : www.sinarharian.com.my

Apakah kepentingan sukan tersebut terhadap Malaysia ?
T5 B8 ms 218 [P2 B6-B7]

- A Mengeratkan perpaduan kaum
- B Memantapkan hubungan serantau
- C Memperkasa semangat kenegerian
- D Memudahkan perkongsian kepakaran

38 Mengapakah kerajaan menubuhkan institusi berikut?

T5 B8 ms 216 [P1 B14-B15]

- Dewan Bahasa dan Pustaka
- Universiti Kebangsaan Malaysia

- A Meningkatkan kadar celik huruf
 B Menggalakkan kemasukan pelajar asing
 C Meningkatkan kemahiran pelbagai bahasa
 D Memperkasa kedudukan bahasa kebangsaan


SPMU 2016

37 Ordinan Pelajaran 1952 diperkenalkan untuk menyatukan penduduk di Tanah Melayu. **T5 B8 ms 213 [P1 B3-B4]**

Berdasarkan ordinan tersebut, bagaimanakah perpaduan dapat dicapai?

- A Menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
 B Mewajibkan pelajaran agama dan akhlak di peringkat sekolah menengah
 C Memberikan pendidikan percuma kepada semua murid sekolah rendah
 D Memperkenalkan kursus aliran kemahiran di sekolah bantuan kerajaan

38 Rajah 4 berkaitan dengan satu cabaran Wawasan 2020.



Bagaimanakah cabaran tersebut dapat ditangani? **T5 B8 ms 221 [P2 B7]**

- A Mengekalkan keadilan ekonomi
 B Meningkatkan etika masyarakat
 C Memantapkan perpaduan rakyat
 D Membina masyarakat yang saintifik

SPM 2015

- 37 Sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan pada tahun 1965. Mengapakah sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?
T5 B8 ms 214 [P3 B8]

- A Melahirkan tenaga kerja mahir
- B Mengurangkan sekolah vernakular
- C Memendekkan tempoh pembelajaran
- D Menempatkan murid kelainan upaya

- 38 Dasar Penswastaan dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Apakah matlamat dasar tersebut? **T5 B8 ms 207 [P3 B9 & B17-B18]**

- I Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
- II Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- III Meningkatkan kemajuan ekonomi
- IV Memperhebatkan pembukaan tanah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPMU 2015

- 37 Gambar 2 berkaitan dengan logo Sukan Malaysia (SUKMA 2010).



Gambar 2

- Apakah tujuan sukan tersebut diadakan? **T5 B8 ms 218 [P2 B6-B7]**

- A Memantapkan ekonomi negara
- B Memperkukuh perpaduan rakyat
- C Memajukan industri pelancongan
- D Mengimbangi ekonomi antara kaum

- 38 Penyata Razak 1956 menyatakan dua elemen penting dalam pendidikan untuk membentuk perpaduan kaum. **T5 B8 ms 213 [P2 B7-B8]**

Apakah kedua-dua elemen penting tersebut?

- I Kemahiran teknikal
 - II Kurikulum seragam
 - III Sistem persekolahan sama
 - IV Kenaikan darjah secara automatik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2014

- 37 Melalui Dasar Pertanian Negara, kerajaan telah memperkenalkan program pembangunan in-situ. **T5 B8 ms 206 [P4 B6]**

Apakah tujuan program tersebut dilaksanakan?

- A Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah
- B Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- C Mengawal kemasukan buruh luar
- D Menyusun semula masyarakat

- 38 Jadual 3 menerangkan matlamat rancangan pembangunan ekonomi kerajaan Malaysia pada tahun 1970-an. **T5 B8 ms 201 [P5 B6 & B7]**

| Tarikh | Rancangan Pembangunan | Matlamat |
|-----------|--------------------------|---------------------|
| 1971-1975 | Rancangan Malaysia Kedua | Membasmi kemiskinan |

Jadual 3

Apakah langkah kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut?

- I Memulakan industri berat
 - II Memajukan sektor pelancongan
 - III Menambahkan peluang pekerjaan
 - IV Meningkatkan pendapatan rakyat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPMU 2014

- 37 Pada tahun 1958, Pak Abu ingin mengusahakan tanaman pisang secara kecil-kecilan, tetapi tidak mempunyai sumber modal yang cukup.

Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah agensi kerajaan yang boleh membantu Pak Abu? **T5 B8 ms 198 [P3 B8]**

- A Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
- B Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI)
- C Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- D Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)

- 38 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) adalah agensi yang ditubuhkan di bawah Rancangan Malaya Pertama.

Apakah matlamat agensi tersebut? **T5 B8 ms 198 [P4 B2-B3]**

- A Menstabilkan harga pasaran
- B Menggalakkan pelaburan modal asing
- C Merangsang penglibatan sektor swasta
- D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

SPM 2013

- 36 Mengapakah Majlis Perundingan Negara mengisytiharkan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970? **T5 B8 ms 211 [P2 B1-B2]**

- A Menyusun semula masyarakat
- B Memperkukuh perpaduan rakyat
- C Meningkatkan kemajuan ekonomi
- D Memartabatkan bahasa kebangsaan

- 37 Pernyataan berikut adalah cabaran kelapan Wawasan 2020.
T5 B8 ms 222 [P3 B5-B8]


| |
|--|
| Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya |
|--|

Bagaimanakah cabaran tersebut dapat dipenuhi oleh kerajaan?

- A Kekayaan negara dikongsi bersama
- B Pelaburan asing dipertingkatkan
- C Memantapkan jati diri rakyat
- D Membangunkan modal insan

SPM 2012

- 37 Gambar 4 menunjukkan Buku Merah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam Rancangan Malaya Kedua.



Gambar 4

Mengapakah buku tersebut diperkenalkan? **T5 B8 ms 200 [P2 B9]**

- A Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan
- B Memantau pengurusan kewangan negara
- C Menetapkan sistem pentadbiran kerajaan
- D Mengawal mutu perkhidmatan kerajaan

- 38 Dasar berikut memberi sumbangan Malaysia mencapai Wawasan 2020.

- Dasar Bahasa Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Dasar Pendidikan Kebangsaan

Apakah sumbangan dasar tersebut? **T5 B8 ms 217 [P1 B7]**

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Meningkatkan taraf hidup rakyat
- C Menjamin kecemerlangan negara
- D Membina masyarakat berdaya saing

SPM 2011

- 36 Rancangan Malaysia Pertama dilaksanakan pada tahun 1956-1960. Apakah matlamat rancangan tersebut? **T5 B8 ms 198 [P1 B3]**

- A Membangunkan kawasan luar bandar
- B Menyusun semula sistem pendidikan
- C Memajukan sektor perindustrian berat
- D Memperkukuhkan sistem pertahanan negara


- 37 Kerajaan telah memperkenalkan program pembangunan in-situ melalui Dasar Pertanian Negara (DPN). **T5 B8 ms 206 [P4 B6]**

Apakah tujuan program tersebut?

- A Membuka petempatan baru
- B Menambahkan peluang pekerjaan
- C Memperkemas sistem pemasaran
- D Memulihkan kawasan berproduktiviti rendah

SPM 2010 (TIADA SOALAN)**SPM 2009**

- 37 Rajah 1 menerangkan langkah kerajaan untuk memajukan ekonomi negara.
T5 B8 ms 201 [SUDUT MAKLUMAT]



Apakah kesan langkah tersebut?

- A Pembukaan tanah pertanian secara besar-besaran
 B Perkembangan pesat kemudahan asas
 C Peningkatan produktiviti sektor perkilangan
 D Penglibatan bumiputera dalam sektor perusahaan

SPM 2008


- 36 Apakah peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang ditubuhkan pada 1973? **T5 B8 ms 202 [JADUAL]**

- A Membangunkan industri desa
 B Mengawal kualiti hasil pertanian
 C Menjalankan penyelidikan pertanian
 D Membantu petani dalam kegiatan koperasi

- 37 Bagaimanakah matlamat Rancangan Malaya Pertama untuk membangunkan kawasan luar bandar dapat dicapai? **T5 B8 ms 198 [P2 B4 & P3 B8]**


- I Menyatupadukan penduduk
 II Membuka kawasan pertanian baru
 III Menyediakan kemudahan pinjaman
 IV Menamatkan kutipan cukai pertanian

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SPM 2007

- 36 X dalam rajah di atas merujuk kepada **T5 B8 ms 210 [P2 B4]**

- A Jawatankuasa Kabinet
 B Majlis Gerakan Negara
 C Majlis Angkatan Tentera
 D Jawatankuasa Antara Kerajaan



37 Apakah tanaman komersial yang diusahakan oleh agensi di atas?
T5 B8 ms 202-203 [P4 B7-B8]

- A Nanas dan kopi
- B Kelapa dan koko
- C Tembakau dan teh
- D Getah dan kelapa sawit

Mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika

38 Pernyataan di atas merujuk kepada cabaran keempat Wawasan 2020.
 Apakah yang dapat merealisasikan cabaran tersebut?
T5 B8 ms 221 [P2 B5-B6]

- I Kecemerlangan teknologi
 - II Keberkesanan sistem pendidikan
 - III Keunggulan institusi keluarga
 - IV Kemampuan para pemimpin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2006

34 Apakah tindakan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menilai pelaksanaan program Rancangan Malaya Kedua ?
T5 B8 ms 200 [P2 B8]

- A Memperkenalkan *Buku Merah*
- B Menubuhkan Majlis Amanah Rakyat
- C Merangka Pelan Induk Perindustrian
- D Melaksanakan Dasar Pertanian Negara

| |
|--------------------------------|
| Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) |
|--------------------------------|

35 Apakah faedah yang diperoleh daripada sukan di atas?
T5 B8 ms 218 [P2 B6-B7]

- I Menangkis ancaman luar
 - II Mewujudkan semangat kenegerian
 - III Menyatupadukan penduduk berbilang kaum
 - IV Memupuk semangat setia kawan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

| |
|---------------------------------|
| Cabaran kelapan Wawasan 2020 |
|---------------------------------|

| |
|---|
| Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya |
|---|

36 Apakah langkah yang perlu diambil bagi menghadapi cabaran di atas?
T5 B8 ms 222 [P3 B5-B8]

- A Kekayaan negara dikongsi
- B Pelaburan asing ditingkatkan
- C Peluang pekerjaan ditambah
- D Budaya cemerlang diamalkan

SPM 2005

| |
|--------------|
| <u>FELDA</u> |
|--------------|

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan pada 1956 • Menyediakan kemudahan asas • Mewujudkan petempatan baru |
|--|

30 Apakah tujuan penubuhan badan berkanun di atas?
T5 B8 ms 198 [P4 B2-B3]

- A Memasarkan hasil pertanian
- B Menggalakkan kegiatan industri desa
- C Meningkatkan pengeluaran tanaman makanan
- D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

31 Apakah badan yang dipertanggungjawabkan terhadap Dasar Penswastaan?
T5 B8 ms 207 [P4 B1]

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Perundingan Negara
- C Unit Perancangan Ekonomi
- D Pusat Daya Pengeluaran Negara

- 32 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan Rukun Negara?
T5 B8 ms 212 [P1 B2 & P4 B5]
- I Memupuk keharmonian
 - II Menanamkan taat setia
 - III Memelihara agama
 - IV Memberi kebebasan mutlak
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 34 Laporan Rahman Talib 1960 diperkenalkan dengan penekanan kepada perpaduan kaum. Antara berikut yang manakah syor laporan tersebut?
T5 B8 ms 214 [P1 B6-B7 & P2 B4-B5]
- I Aliran vokasional diperkenalkan
 - II Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sekolah menengah
 - III Sekolah kebangsaan menggantikan sekolah umum
 - IV Sistem persekolahan bercorak integrase
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2004

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Majlis Amanah Rakyat (MARA)• Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) |
|--|

- 33 Apakah persamaan agensi kerajaan di atas dalam Rancangan Malaya Pertama?
T5 B8 ms 198 [P1 B3]
- A Mempelbagaikan jenis tanaman
B Menumpukan pembangunan luar bandar
C Mengawal kemasukan bahan makanan import
D Melatih bumiputera dalam bidang perindustrian

| Tahun | Perkara | Matlamat |
|-------|--------------------|---|
| 1984 | Dasar Kependudukan | Meningkatkan jumlah penduduk Malaysia menjadi 70 juta dalam tempoh 115 hingga 120 tahun |

34 Mengapakah kerajaan melaksanakan dasar di atas? **T5 ms 209 [P2 B5-B7]**

- I Mengimbangi kekuatan tentera negara jiran
- II Merapatkan jurang ekonomi antara kaum
- III Menambahkan bilangan tenaga kerja
- IV Meningkatkan pasaran keluaran barangan tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

TINGKATAN 5 BAB 9 : MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA

| BIL | KATA KUNCI / MAKSUD / GLOSARI | CATATAN |
|-----|---|---|
| 1. | Adolf Hitler | Ingkar Perjanjian Versailles / perbesarkan tentera |
| 2. | AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN) | Bertujuan menghapuskan sekatan dagangan / galakkan kerjasama ekonomi negara ASEAN / wujudkan pasaran yang luas |
| 3. | Alasan British dan Perancis Sertai Perang Dunia Kedua | Pertahankan keselamatan |
| 4. | Asas penggubalan Dasar Luar Malaysia | Faktor sejarah / ekonomi / politik / geografi / demografi |
| 5. | Blok Kapitalis | Terdiri daripada Amerika Syarikat dan 11 buah negara lain yang menandatangani Perjanjian Atlantik Utara dan North Atlantic Organisation (NATO) pada 4 April 1949 |
| 6. | Blok Komunis | Terdiri daripada negara Soviet Union dan tujuh buah negara yang menandatangani Perjanjian Warsaw pada tahun 1952 |
| 7. | Dasar Aparteid | Dasar yang membezakan taraf penduduk kulit hitam atau kulit berwarna daripada penduduk berkulit putih di Afrika Selatan |
| 8. | Dasar Berkecuali | Amalan sesebuah negara yang tidak memihak kepada mana-mana blok negara atau fahaman politik |
| 9. | Dasar Luar Malaysia | Faktor sejarah; Kesultanan Melayu Melaka jalin hubungan dengan negara luar seperti China / sertai Komanwel / Faktor politik; prinsip keamanan sejagat / amal demokrasi berparlimen / pelihara kedaulatan negara lain / Faktor ekonomi; amal pasaran bebas / harapkan pasaran / Faktor geografi; kedudukan strategik / bersempadan dengan Singapura / Faktor demografi; hubungan diplomatik dengan negara Islam / tentang Dasar Aparteid |
| 10. | Dasar Pandang ke Timur | Gunakan Jepun dan Korea Selatan sebagai model bangunkan negara / ambil nilai baik seperti cintakan negara / rajin bekerja |
| 11. | Deklarasi Langkawi | Atasi pencemaran |
| 12. | Demografi | Corak kependudukan berasaskan bangsa, alays, agama, budaya dan pengalaman sejarah yang sama |
| 13. | Dunia Ketiga | Negara-negara membangun dan kebanyakannya terdiri daripada negara-negara yang mencapai kemerdekaan daripada kuasa Barat seperti negara-negara di Asia (termasuk Asia Tenggara), Amerika Latin dan Afrika |
| 14. | Geopolitik | Blok dunia yang terbentuk berasaskan faktor geografi dan politik |
| 15. | Globalisasi | Dunia tanpa sempadan kerana kepesatan teknologi maklumat / modal , barang, kemahiran seberangi sempadan dalam masa singkat |
| 16. | Ideologi | Fahaman atau pegangan politik seseorang individu atau sesebuah kumpulan atau sesebuah negara |
| 17. | K-ekonomi | Berlandaskan pengetahuan atau knowledge-based economy / keupayaan seseorang menggunakan ilmu pengetahuan |
| 18. | Kesan Perang Dunia Pertama | Pemerintahan beraja tamat / bentuk negara baru / kematian / inflasi / penubuhan Liga Bangsa / hutang perang tinggi / ubah peta Eropah |
| 19. | K-masyarakat | Sentiasa berusaha memperkayakan diri / meningkatkan pengetahuan / selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat |
| 20. | KOMANWEL (negara bekas jajahan British) | Semangat setia kawan / kerjasama dalam segala bidang / bantu Malaysia atasi ancaman komunis / konfrontasi |
| 21. | Koridor Raya Multimedia | Bentuk masyarakat yang bermaklumat |
| 22. | Kuasa Veto | Kuasa yang diwakili oleh satu ahli dalam satu kumpulan untuk membatalkan atau menghalang sesuatu undang-undang atau persetujuan yang telah dicapai oleh ahli-ahli dalam kumpulan tersebut |
| 23. | Liga Bangsa | Memupuk keamanan dunia |

| | | |
|-----|--|---|
| 24. | Malaysia berbaik-baik dengan negara dan tentera Komanwel | Keperluan pasaran – ancaman keselamatan |
| 25. | Malaysia menentang Dasar Aparteid di Afrika Selatan | Putuskan hubungan diplomatik |
| 26. | MAPHILINDO (Malaysia, Filipina, Indonesia) | Eratkan hubungan – selesaikan pertelingkahan antara |
| 27. | Modal Intelek | Merujuk kepada kepakaran dan ilmu yang kreatif dan inovatif yang dikuasai oleh seseorang individu |
| 28. | Negara-negara Selatan | Tingkatkan kerjasama ekonomi / atasi harga eksport bahan mentah / kerjasama teknikal |
| 29. | Pakatan Bertiga (Triple Entente) | Britain, Perancis, Rusia |
| 30. | Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki | Elak perang yang lama / kehilangan nyawa yang ramai |
| 31. | Perang Dingin | Muncul blok dunia / perbezaan fahaman politik dan ideologi / berlaku tanpa konflik bersenjata / buktikan kekuatan / sebar pengaruh |
| 32. | Perang Dunia Kedua | Terjadi apabila Jerman serang Poland dari Barat / USSR serang Poland dari Timur / Britain dan Perancis isytihar perang terhadap Jerman / kegagalan Perjanjian Versailles / kemelesetan ekonomi / kemunculan tokoh Adolf Hitler |
| 33. | Pergerakan Negara – Negara Berkecuali (NAM) | Mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong blok barat dan blok komunis / mengelakkan campur tangan asing dalam pentadbiran |
| 34. | Perikatan Kuasa Tengah (Triple Alliance) | Jerman, Austria-Hungary |
| 35. | Perjanjian dengan British / Australia / New Zealand | Untuk kuatkan pertahanan / elak ancaman komunis |
| 36. | Perkembangan Dasar Luar Malaysia | Tahap Pertama - Tunku Abdul Rahman Tahap Kedua - Tun Abdul Razak / Tun Hussein Onn Tahap Ketiga - Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad |
| 37. | Persatuan Negara – Negara Asia Tenggara (ASEAN) | Kerjasama antara negara jiran dalam bidang politik, ekonomi, sosial / kekalkan kestabilan politik rantau Asian negara / tingkatkan taraf hidup penduduk |
| 38. | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) | Jamin keamanan / keselamatan dunia / galak hubungan baik / selesai masalah antarabangsa / pusat harmonikan tindakan negara anggota |
| 39. | Pertubuhan Negara – Negara Asia Tenggara (ASA) | Jalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang / kekalkan serta jamin keselamatan dan kestabilan politik / berikan kemudahan latihan dalam penyelidikan sains dan teknologi |
| 40. | Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) | Erat hubungan negara islam / bersatu jaga kepentingan islam / kekalkan perdamaian / jaga tempat suci islam |
| 41. | Pro-Barat | Dasar luar yang memihak kepada kuasa barat seperti Britain, Amerika Syarikat dan Perancis |
| 42. | Rancangan Colombo | Bantuan teknikal / biasiswa pendidikan |
| 43. | Saintifik | Pengetahuan yang sistematik, jelas terbukti kebenarannya setelah melalui proses penyelidikan dan eksperimen |
| 44. | Sebab Perang Dunia Pertama | Kemunculan nasionalisme / sistem pakatan Eropah / persaingan rebut kuasa ekonomi / negara kecil bersatu dengan negara besar seperti Jerman / sanggup berperang buktikan kuasa /pembunuhan pewaris tahta Austria-Hungary, Archduke Franz Ferdinand |
| 45. | Zon Aman , Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) | Kekalkan keamanan / kestabilan politik / tidak bersekongkol dengan blok barat atau timur bagi elak campur tangan |
| 46. | Zon Perdagangan Bebas | Kawasan perindustrian yang diwartakan oleh kerajaan sebagai bebas dan terkecuali daripada duti kastam dan cukai |

SPM 2018

39 Negara berikut telah menganggotai Kumpulan G15 (G15)

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Malaysia • Yugoslavia • Nigeria |
|---|

Apakah hasrat negara - negara tersebut? **T5 B9 ms 250 [P2 B23-B24]**

- A Mengawal kawasan perairan bersama
- B Mewujudkan pakatan tentera antarabangsa
- C Mewujudkan sistem mata wang yang seragam
- D Mengurangkan pergantungan terhadap negara maju

40 Jerman telah melanggar syarat- syarat Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada tahun 1919.

Bagaimanakah negara tersebut melanggar syarat- syarat Perjanjian Versailles ?
T5 B9 ms 232 [P2 B9-B10]

- A Memperkuat angkatan tentera
- B Menjalinkan kerjasama dengan Russia
- C Menamatkan hubungan diplomatik
- D Mengeksport senjata ke luar negara

SPMU 2018

38 Bagaimanakah tokoh berikut mengembalikan semula maruah bangsa dan negaranya selepas Perang Dunia Pertama? **T5 B9 ms 232 [P2 B9-B10]**

- A Mengadakan referendum
- B Memperbesar angkatan tentera
- C Membangunkan industri baharu
- D Memulihkan sistem monarki

39 Maklumat berikut menunjukkan perbelanjaan semasa Perang Dunia Pertama.

| Pakatan Negara Eropah | Perbelanjaan (Dolar US) |
|------------------------------|--------------------------------|
| Pakatan Bertiga | 125 billion |
| Perikatan Kuasa Tengah | 60 billion |

Mengapakah negara-negara yang terlibat membelanjakan banyak wang untuk berperang? **T5 B9 ms 231 [P4 B1-B7]**

- I Menentang dasar apartheid
- II Menghapuskan keganasan
- III Memperluas pengaruh
- IV Menguasai pasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 MAPHILINDO merupakan gabungan Malaysia, Filipina dan Indonesia.


Apakah matlamat penubuhannya? **T5 B9 ms 254 [P4 B1-B5]**

- A Meningkatkan persefahaman
- B Memajukan kegiatan perdagangan
- C Membentuk pakatan tentera serantau
- D Menghapuskan ancaman komunis

SPM 2017

39 Rajah 6 berkaitan dengan cantuman nama tiga buah negara di Asia Tenggara.

T5 B9 ms 254 [P4 B4]



Rajah 6

Mengapakah MAPHILINDO ditubuhkan oleh negara – negara tersebut ?

- A Menghapus komunis
- B Menamatkan persengketaan
- C Menyelaraskan kawasan sempadan
- D Membentuk kerjasama tentera

40 Jepun menyerang tanah jajahan kuasa Barat di Asia dalam Perang Dunia Kedua. Apakah tindakan kuasa Barat untuk menghalang kemaraan Jepun ?

T5 B9 ms 233 [P7 B9-B10]

- A Membentuk pertubuhan serantau
- B Mengisytiharkan ZOPFAN
- C Menaja kegiatan subversif
- D Melakukan serangan bom atom

SPMU 2017

39 Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914.

Apakah faktor yang menyebabkan perang tersebut ?

T5 B9 ms 230-231 [P3 B2-B3]

- A Perancis bersekutu dengan Rusia
- B Wilayah Jerman diceroboh
- C Bakal raja Austria dibunuh
- D Pearl Harbour diserang

- 40 Melalui Komanwel, Malaysia dengan lantang menentang Dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan. **T5 B9 ms 239 [P2 B5-B6]**

Mengapakah Malaysia menentang ideologi tersebut?

- A Ideologi komunis berkembang
- B Perdagangan antarabangsa terjejas
- C Keselamatan negara jiran terancam
- D Penindasan terhadap rakyat berleluasa

SPM 2016

- 39 Pada tahun 1970an Malaysia telah mengubah dasar luar daripada pro Barat kepada dasar berkecuali? **T5 B9 ms 241 [P3 B4-B5]**

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

- A Kejatuhan harga komoditi
- B Kerosotan pengaruh Britain
- C Desakan daripada pedagang asing
- D Mematuhi arahan kuasa besar dunia

